

قیٰتین قیٰتہ

PETIKAN TITAH

"DI antara ciri-ciri kecemerlangan itu ialah, apabila Perkhidmatan Awam berjaya membuat sesuatu keputusan dengan cepat lagi tepat".
- Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Bagi Tahun 2007, pada Sabtu, 29 Syawal, 1428 / 10 November, 2007.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قُلْ بِوْحَدَةٍ

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23	7.38

TAHUN 65 / BILANGAN 5

11 JANUARI 2020 / 1441 جمادی الاول 15

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

Penghakiman Mahkamah, 15 Januari

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Hakim Gareth Lugar-Mawson akan menyampaikan penghakiman Mahkamah pada 15 Januari 2020 jam 9.30 pagi setelah mendengar penghujahan kedua-dua pihak.

Sehubungan dengan itu, kes terhadap Ramzidah binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bersidang lagi di Mahkamah Tinggi hari ini.

Pihak Pendakwa Raya Jonathan Caplan QC menyampaikan penghujahan keseluruhan kes Pendakwa Raya dan juga bukti-buktii yang dikemukakan semasa perbicaraan yang dijalankan di antara September dan Oktober 2019.

Sementara Simon Farrell QC mewakili kedua-dua tertuduh.

Tertuduh pertama memilih untuk tidak memberi keterangan bersumpah. Farrell QC berhujah bahawa mahkamah tidak patut membuat anggapan bertentangan terhadap Tertuduh Pertama hanya kerana dia tidak memberi keterangan bersumpah memandangkan dia sudah memberi pembelaannya di dalam keterangan kepada pihak yang penguat kuasa undang-undang dan juga pengisytiharan bersumpahnya.

Ke muka 3

Malam Gala Tayangan Perdana Filem 'Akademi'



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan bergambar ramai bersama Pengarah dan para pelakon Filem 'Akademi' pada Malam Gala Tayangan filem tersebut.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Jumaat, 10 Januari. - Industri perfileman di Negara Brunei Darussalam melangkah lagi setapak ke hadapan dengan terhasilnya filem tempatan berjudul 'Akademi'.

Sehubungan itu, Malam Gala Tayangan Perdana Filem 'Akademi' diadakan di Pawagam The Empire Brunei, di sini.

Berangkat menyaksikan filem tersebut,

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Rakiah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berserta kerabat diraja yang lain.

Juga hadir, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku tetamu kehormat majlis, dan Datin.

Ke muka 3

Mushaf Brunei Darussalam, Tafsirannya mula dicetak

Berita dan Foto :
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya merupakan penjelasan hubungan ayat Al-Quran dengan sebelumnya, sebab turun ayat (*asbabun nuzul*), tafsirannya serta inti sari dan pengajaran ayat.

Selain itu, Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya ini juga adalah satu usaha untuk menjelaskan isi kandungan Al-Quran dengan bahasa dan penyampaian yang mudah difahami oleh masyarakat Brunei.

Di samping itu, dengan adanya mushaf berkenaan akan dapat mengukuhkan lagi

perpaduan masyarakat Brunei dalam memahami ajaran Islam melalui pentafsiran ayat Al-Quran yang berdasarkan kepada fahaman Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran Al-Asy'irah / Al-Maturidiyah dan Fiqh Mazhab Syafe'e.

Pada permulaan ini, jumlah bagi cetakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya yang bersaiz buku dengan ukuran 17cm x 23cm ialah sebanyak 2,500 naskhah dan menggunakan speedmaster 102F di bay 2 dan mesin Speedmaster74 di bay 7.

Sehubungan itu Majlis Doa Selamat bagi Memulakan Proses Pencetakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya - Juz 1, berlangsung di Jabatan Percetakan Kerajaan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di majlis berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Ugama,

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang memulakan proses pencetakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya dan diikuti dengan laungan takbir.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Panel-panel Masyaikh bagi penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya, iaitu Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned; Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar.

Ke muka 6

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"SUNGGUH beruntung orang yang Islam, memperoleh kecukupan rezeki dan dianugerahi sifat qana'ah atas segala pemberian".

- (Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi).

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn



MENERIMA kunjungan hormat
Muka 7



YSHHB sumbangkan kewangan kepada mangsa kebakaran

Muka 8



BELIA perlu ambil serius peraturan jalan raya!

Muka 9



MUSLIMAH Masjid Sinaut giat laksanakan aktiviti keagamaan

Muka 22

Tingkatkan kesedaran mencegah, mengurus penyakit tidak berjangkit

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
dan Selamat Pagi

Aberbesar hati kerana dapat hadir pada Mesyuarat pertama BNSRC Frontiers, persidangan antarabangsa pertama yang julung-julung kali yang dianjurkan oleh Pusat Pemulihan dan Strok Neurosains Brunei (BNSRC) di mana pakar-pakar dari seluruh dunia dalam bidang Pemulihan dan Neurosains berhimpun untuk mengongsikan ilmu pengetahuan, buah fikiran dan pengalaman mereka. Saya ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak pengurusan Pusat Pakar Pantai Jerudong dan ahli jawatankuasa pengajur persidangan ini kerana berkesudian mengundang saya sebagai tetamu kehormat.

Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran para penceramah undangan dan tetamu-tetamu dari luar negara. Semoga awda berpeluang untuk menikmati keindahan Negara Brunei Darussalam, jika masa itu singkat, sekurang-kurangnya awda dapat menikmati suasana pemandangan yang menakjubkan dari bangunan ini.

BNSRC ditubuhkan pada tahun 2010 sebagai sebuah pusat pakar strok dan sejak tahun 2018, ia berkembang maju sebagai sebuah pusat sehenti Neurologi, Neurosurgery dan Pusat Pemulihan seiring dengan pengintegrasian perkhidmatan di Kementerian Kesihatan dengan menawarkan pelbagai infrastruktur dan kepakaran yang komprehensif.

Sejak tahun lepas, BNSRC memperlihatkan peningkatan ketara dengan kenaikan melonjak lima kali ganda dalam kemasukan pesakit kes akut manakala jumlah pesakit luar meningkat sebanyak 20 kali ganda. Selain mempunyai penjagaan khusus bagi strok, sakit kepala, epilepsi, neuromuscular, neurodegenerative and neuroinflammatory disorders, pelbagai pembedaan saraf dan pembedaan tulang belakang juga dilakukan di BNSRC. Sebagai tambahan, beberapa intervensi endovaskular yang kompleks juga berjaya dilakukan, mana kita akan mengetahui lebih lanjut mengenainya pada hari ini.

Bagi perkhidmatan pemulihan, perkhidmatan lanjut juga ditawarkan di BNSRC sebagai salah satu antara pusat di Asia Tenggara yang menawarkan terapi robotik. Sebagai tambahan, BNSRC sedang giat membangunkan kapasiti penyelidikan dan menawarkan peluang-peluang latihan di seluruh rangkaian profesional penjagaan kesihatan.

Namun begitu, BNSRC dan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Majlis Perasmian bagi BNSRC Frontiers 2019 - New Horizons 'Meneroka Melangkaui Sempadan' pada Ahad, 3 November 2019, bertempat di Pusat Pakar Pantai jerudong.

pusat-pusat pemeludian bagi pesakit yang menghadapi penyakit-penyakit neurologi dan kurang upaya yang kronik di seluruh dunia tidak terlepas daripada cabaran. Gangguan-gangguan sedemikian kerap berlaku dan kerap kali sukar ditangani yang memerlukan pengalaman dan kepakaran yang tinggi. Kajian Beban Penyakit Global (Global Burden of Disease Study) telah mengenal pasti situasi-situasi ini adalah penyumbang utama kepada ketidakupayaan dengan kos penjagaan kesihatan serta kos jangka panjang kepada masyarakat. iaitu melalui beban penjagaan dan kehilangan pendapatan.

Meskipun perubatan telah lama wujud, adalah sangat penting untuk mencegah, mengurangkan dan merawat penyakit

dengan lebih baik dari apa yang kita laksanakan pada hari ini. Persidangan seumpama ini sangatlah bermanfaat bagi mengongsikan buah fikiran yang baharu, mengembangkan laluan-laluan klinikal yang inovatif dan membuka minda. Di samping itu, ia juga memberi peluang-peluang untuk menjalinkan rangkaian kerja dan membina perkongsian kolaboratif dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan penjagaan klinikal. Melihat pelbagai abstrak yang dibentangkan, bukan sahaja daripada doktor dari semua peringkat, malah daripada para jururawat dan *allied health professionals* juga sangat mengujakan. Saya difahamkan tema-tema telah dikenal pasti seperti pesakit strok dengan faktor-faktor risiko tidak terkawal dan lewat hadir ke hospital yang menekankan perlunya bagi kita semua meningkatkan tahap kesedaran tentang Pencegahan dan Pengurusan penyakit-penyakit tidak berjangkit (NCDS). Saya juga kagum menyaksikan kes bersiri spektrum seperti intra-cerebral haemorrhage, cerebral venous thrombosis, jangkitan neurologi dan penyakit demyelinating. Penilaian tentang penjagaan klinikal adalah sentiasa bernilai dalam menjamin kualiti selain menambah pengetahuan umum.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, tahniah kepada BNSRC atas kejayaan merealisasikan visi mereka menganjurkan persidangan ini dan tahniah juga kepada Pengurus Bersama dan ahli-ahli jawatankuasa atas kesungguhan mereka dalam menjayakan program yang inovatif dan komprehensif ini. Semoga semua yang hadir akan dapat memanfaatkan segala peluang yang ditawarkan dalam persidangan ini dan saya berharap akan lebih banyak usaha yang lebih maju ke hadapan dirancang pada masa akan datang dalam kita terus meneroka melangkaui sempadan.

Akhirnya, dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan sukadanya merasmikan Pusat Pemulihan Neurosains dan Strok Brunei (BNSRC) Frontiers 2019.

Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikeum Warahmatullahi Wabarakatuh.

'MESKIPUN perubatan telah lama wujud, adalah sangat penting untuk mencegah, mengurangkan dan merawat penyakit dengan lebih baik dari apa yang kita laksanakan pada hari ini. Persidangan seumpama ini sangatlah bermanfaat bagi mengongsikan buah fikiran yang baharu, mengembangkan laluan-laluan klinikal yang inovatif dan membuka minda.'

dengan lebih baik dari apa yang kita laksanakan pada hari ini. Persidangan seumpama ini sangatlah bermanfaat bagi mengongsikan buah fikiran yang baharu, mengembangkan laluan-laluan klinikal yang inovatif dan membuka minda.

Dari Sidang Pengarang.

11 JANUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادی الاول

JADIKAN IKTIBAR!

BARU-baru ini, negara digemparkan dengan musibah kebakaran yang telah memusnahkan 12 buah rumah di Kampung Bendahara Lama sehingga menyebabkan lebih 90 penghuni kehilangan tempat tinggal. Malah empat buah rumah berhampiran turut menerima kesan daripada bahang kebakaran tersebut. Bukan itu saja, pada hari yang sama, sebuah rumah di Kampung Mulaut yang didiami 39 penghuni juga ditimpah kebakaran.

Impak daripada kejadian tersebut setentunya memberi kesan yang lebih besar kepada para mangsa dan untuk itu, kita perlu mengambil langkah berhati-hati bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku, lebih-lebih lagi kepada orang yang kita sayangi.

Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sentiasa mengingatkan orang ramai untuk memastikan pemakaian elektrik tidak mencapai tahap lebih bebanan (*overload*); tidak meletakkan benda-benda yang panas yang boleh menyebabkan kebakaran; sentiasa memastikan barang yang dinyalakan dalam keadaan selamat; memastikan menutup suis (*switch off*) mana-mana peralatan elektrik selepas menggunakan atau meninggalkannya dalam masa yang lama; memastikan pendawaian dalam keadaan baik; dan membuat pemeriksaan dengan menggunakan syarikat yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Selain itu, orang ramai turut dinasihatkan untuk memastikan bangunan dilengkap dengan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api yang bersesuaian (Jenis ABC Powder); selimut api (*fire blanket*); dan *smoke detectors* atau alat pengesan asap (*battery operated*).


JBP juga menasihatkan untuk jangan melebihi had tinggal untuk rumah-rumah persendirian, di mana ia boleh membahayakan lagi keadaan semasa terjadinya kecemasan, terutama sekali semasa kebakaran.

Namun begitu, seluruh dunia kini bimbang dengan kebakaran hutan yang melanda Australia, yang telah memusnahkan kira-kira lima juta hektar tanah, seramai 24 orang terkorban di seluruh negara dan hampir 2,000 rumah telah musnah yang melibatkan tiga negeri di Australia bermula sejak September tahun lalu.

Selain itu, Ahli Ekologi dari Universiti Sydney turut menganggarkan 480 juta spesies mamalia, burung dan reptilia telah terkorban sejak empat bulan yang lalu dan angka itu dijangka terus meningkat.

Kebakaran belukar itu juga menyebabkan kira-kira 8,000 koala telah mati terbakar iaitu satu pertiga daripada seluruh populasi koala di New South Wales.

Untuk itu, masyarakat di negara ini perlu mengambil ictibar daripada kejadian tersebut dengan tidak sewenangnya melakukan pembakaran terbuka yang mengundang kesan yang besar atau memusnahkan hutan untuk kepentingan pihak tertentu selain sentiasa berdoa kepada-Nya supaya krisis alam sekitar yang berlaku di Australia tidak berlaku di negara kita. - Ketua Penyuntingan (Ad).



WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
11	SABTU	15	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.23 7.38
12	AHAD	16	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24 7.38
13	ISNIN	17	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.51	6.24 7.38
14	SELASA	18	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25 7.39
15	RABU	19	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25 7.39
16	KHAMIS	20	5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.53	6.26 7.39
17	JUMAAT	21	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26 7.40

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
NDMC 2380214 | 123

Penghakiman Mahkamah, 15 Januari



RAMZIDAH binti Pehin Datu Kesuma Diraja Kol. (B) Haji Abdul Rahman (kanan) dan Haji Nabil Daraina bin Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin (kiri).

Dari muka 1

Caplan QC menekankan bahawa undang-undang membolehkan pihak Pendakwa Raya untuk membuat ulasan bertentangan apabila Tertuduh memilih untuk berdiam diri dan mempelawa mahkamah untuk membuat anggapan bahawa Tertuduh Pertama tidak mempunyai jawapan bagi kes Pendakwa Raya terhadapnya.

Salah satu penjelasan Tertuduh Pertama mengenai jumlah wang tunai besar yang dimilikinya adalah BND5 juta daripadanya diterima daripada seorang warganegara Malaysia setelah membantu dalam pengurusan perjanjian-perjanjian sulit di antara tahun 2010 dan 2017.

Menurut pihak pembelaan, penjelasannya tidak dicanggah

kerana warganegara Malaysia tersebut tidak hadir memberi keterangan di Mahkamah. Dengan ketiadaan keterangan tersebut, Farrell QC menggesa Mahkamah untuk membuat kesimpulan bahawa penjelasan Tertuduh Pertama itu adalah benar dan harus dipercayai.

Pendakwa Raya berhujah bahawa ini adalah salah kerana penjelasan Tertuduh Pertama tidak diberi dengan cara bersumpah di hadapan Mahkamah. Tambahan lagi, beban bagi membuktikan penjelasan ini adalah pada Tertuduh Pertama kerana dia yang bergantung kepada kebenarannya.

Pendakwa Raya juga mengulangi lagi bukti-bukti yang bercanggah dengan penjelasan Tertuduh Pertama ini seperti 149 keping nota wang BND10,000

yang dikeluarkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) kepada Tertuduh Pertama yang dikeluarkan olehnya sendiri dari Penerima Rasmi di dalam kawalannya dan dikesan disimpan ke dalam akaunnya ataupun akaun bersamanya bersama dengan Tertuduh Kedua atau digunakan untuk membeli kereta atau ditukar kepada denominasi yang lebih kecil.

Di dalam pembelaan Tertuduh Pertama, dia mengatakan duit yang dikeluarkan itu disimpan ke dalam akaun simpanan tetap. Pihak Pendakwa Raya mengemukakan bahawa tidak ada alasan baginya untuk membuka akaun tersebut.

Jika sekiranya dia ada alasan baginya untuk berbuat sedemikian, Tertuduh Pertama mengambil risiko tinggi dengan mengeluarkan wang tunai dalam jumlah yang amat besar dari sebuah Bank dan kemudian membawa wang tunai tersebut ke Bank lain untuk membuka akaun simpanan tetap itu.

Namun, Tertuduh Pertama tidak pernah memberikan apa-apa butir mengenai akaun simpanan tetap yang kononnya dibuka itu dan pihak Pendakwa Raya juga mengemukakan bukti daripada semua bank tempatan bahawa akaun-akaun tersebut tidak wujud.

Farrell QC mencadangkan bahawa proses Pendakwa Raya dalam membuktikan ketiadaan akaun-akaun tersebut adalah salah. Tidak ada bukti dikemukakan dari HSBC dan Citibank bagi membuktikan sama ada akaun simpanan tetap yang dimaksudkan oleh Tertuduh Pertama itu wujud atau sebaliknya.

Beliau seterusnya mencadangkan bahawa keterangan dari pihak bank yang lain yang

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman**

mengatakan ketiadaan akaun simpanan tetap yang dimaksudkan itu tidak memenuhi syarat di bawah undang-undang mengenai dengan penggunaan rekod-rekod bank.

Caplan QC menjawab bahawa keterangan pihak bank tersebut tidak dikategorikan sebagai penggunaan rekod-rekod bank. Oleh itu, keterangan mereka tidak terhad kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh undang-undang.

Saksi-saksi tersebut hanya merujuk kepada pemeriksaan atau pertanyaan yang telah mereka buat mengenai kewujudan akaun-akaun tersebut. Pemeriksaan ini dilakukan pada pemegang-pemegang akaun semasa dan juga terdahulu.

Mengenai Tertuduh Kedua pula, Farrell QC berhujah bahawa pihak Pendakwa Raya tidak dapat membuktikan kes terhadapnya kerana tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa sama ada Tertuduh Kedua tahu atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa isterinya secara tidak jujur mengeluarkan wang tunai dari akaun-akaun Penerima Rasmi selama tempoh 14 tahun.

Kes pihak Pendakwa Raya adalah Tertuduh Kedua sudah semestinya tahu bahawa alasan yang diberikan oleh isterinya mengenai wang BND5 juta itu adalah tidak benar. Sebagai seorang yang bijak dan seorang hakim, dia sudah semestinya menyedari bahawa taraf hidup yang mereka jalankan adalah jauh melebihi gaji mereka.

Secara logiknya, Tertuduh Kedua sudah pasti tahu sumbernya adalah dari akaun Penerima Rasmi di bawah kawalan isterinya kerana tidak ada penjelasan munasabah dari Tertuduh Pertama tentang sumber wang itu.

Sekiranya Mahkamah tidak berpuas hati bahawa Tertuduh Kedua memang tahu yang dia berurusan dengan hasil wang dari perbuatan pecah amanah isterinya, sekurang-kurangnya boleh dikatakan. Bahawa Tertuduh Kedua mempunyai alasan munasabah untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa wang tersebut adalah hasil jenayah. Jika dilihat daripada pandangan seorang yang berfikiran munasabah, terdapat beberapa faktor yang menimbulkan alasan bagi mempercayai atau mengesyakinya.

Antara nya adalah jumlah wang tunai yang besar terlibat, ketiadaan bukti-bukti yang menunjukkan sumber sah, kegagalan Tertuduh Kedua untuk bertanya kepada isterinya apa-apa soalan sama sekalipun mengenai wang tunai yang dimasukkan ke dalam akaun bersama mereka dan jumlah wang tunai yang besar mereka belanjakan.

Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Suhana Haji Sudin, Hajah Suriana Haji Radin, Dk. Didi-Nuraza Pengiran Haji Abdul Latiff and Muhammad Qamarul Affyian bin Abdul Rahman juga hadir untuk pihak Pendakwa Raya.

Sementara Sheikh Noordin Sheikh Mohammad hadir untuk pihak Tertuduh.

Malam Gala Tayangan Perdana Filem 'Akademi'



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat majlis bersama Datin pada Malam Gala Tayangan Perdana Filem 'Akademi' yang diadakan di Pawagam The Empire Brunei (kiri), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar bersama Pengarah Filem 'Akademi', Siti Kamaluddin dan para pelakon filem berkenaan.

Dari muka 1

Terdahulu, Pengarah Filem 'Akademi', Siti Kamaluddin dalam ucapan alu-aluannya, antara lain berkata, lebih 50 orang kru terlibat sepanjang proses penggambaran filem berkenaan, yang secara tidak langsung membuka peluang

pekerjaan, selain memberikan peluang kepada mereka mempelajari mengenai dunia perfilman.

Filem tersebut tambahnya, merupakan filem yang sungguh istimewa kerana 100 peratus pelakonnya, terdiri daripada pelakon tempatan dan pada masa

yang sama seramai 400 tenaga kerja tempatan digunakan bagi menjayakan filem kali ini.

Beliau seterusnya melahirkan settinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan filem kali ini, termasuk para penaja.

'Akademi' merupakan filem

ketiga arahan Siti Kamaluddin, mengisahkan tentang persahabatan dan kesetiaan yang diinspirasikan daripada kehidupan sehari-hari masyarakat di negara ini, bersangkutan kerjaya dan kehidupan Pengawal Keselamatan.

Filem yang dihasilkan Origin

**Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

Artistic itu dijadualkan untuk tayangan kepada orang ramai pada 16 Januari 2020, di seluruh pawagam Negara Brunei Darussalam.



Utamakan kebijakan mangsa kebakaran

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Januari. - Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul bebananya, begitulah yang dapat diungkapkan kepada keluarga-keluarga yang ditimpak musibah kebakaran yang merupakan suatu ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala kepada mereka.

Alhamdulillah, atas dasar keprihatinan yang sememangnya diterapkan di negara kita ini, beberapa pihak berkepentingan sentiasa tidak camah mata dengan menghulurkan pelbagai bantuan dan sumbangan dengan harapan usaha tersebut sedikit sebanyak dapat meringankan kesengsaraan

yang ditanggung oleh mangsa kebakaran.

Dalam hubungan ini, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa ditemui di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Bendahara Lama di sini antara lain menyatakan, pihak Kementerian Pendidikan juga akan menghulurkan bantuan dari segi keperluan sekolah anak-anak mangsa kebakaran antaranya pakaian seragam sekolah termasuk pakaian sukan, kasut, buku tulis, buku teks dan sebagainya.

Mengenai tempat penginapan para mangsa, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin seterusnya menjelaskan, pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menyediakan tiga perumahan penempatan, iaitu di Belimbang, Sungai Akar dan Sentosa jika diperlukan dan penempatan itu juga akan segera dijalankan pada hari ini juga.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menambah, JAPEM akan menghulurkan catuan makanan dan bantuan asasi selain bantuan kewangan dengan segera setelah penelitian dilaksanakan

oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sangat bersympati dengan musibah yang menimpa para keluarga mangsa kebakaran di kampung tersebut.

Berikutkan insiden tersebut, katanya, adalah menjadi keutamaan pihak YSHHB untuk memeduli keperluan mangsa dengan secepat mungkin dan bantuan-bantuan yang diberikan adalah tanda keprihatinan kepada mereka yang dilanda tragedi yang tidak diingini berlaku tersebut.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa ditemui di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Bendahara Lama.

12 buah rumah ranap dijilat api



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB); dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa melawat di Dewan Serbaguna, Sekolah Rendah Bendahara Lama (atas), sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mendengar penerangan ketika mengadakan lawatan ke tempat kejadian.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Januari. - 12 buah rumah termasuk tiga buah rumah kosong musnah dijilat api awal pagi tadi.

Empat buah rumah turut menerima kesan daripada bahang kebakaran berkenaan yang berlaku di Kampung Pengiran Bendahara Lama sekitar jam 2.00 - 2.30 pagi.

Berikutnya tragedi itu, lebih 90 penghuni kehilangan tempat tinggal.

Sebilangan mangsa ditempatkan di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Bendahara Lama untuk diambil butir-butir keterangan mereka oleh pihak-pihak yang berkenaan manakala sebahagian

yang lain sudah berada di kediaman saudara mara yang lain.

Sememangnya kejadian yang tidak dingini berlaku ini memberikan satu kesan yang mendalam lebih-lebih lagi kepada para mangsa yang tidak menjangkakan kejadian tersebut akan mengakibatkan kehilangan harta benda namun apa yang disyukuri ialah tiada kemalangan jiwai berlaku.

Pelita Brunei juga sempat menemu bual salah seorang mangsa tragedi, Dayang Hasimah binti Abdul Rahman yang mana menurut beliau, pada awal kejadian berlaku, salah seorang anaknya terjaga daripada tidur dan terhidu kepulan asap dan api dari

salah sebuah bilik di dalam rumahnya.

Tanpa ber lengah anaknya terus mengejutkan ibu bapanya dan ahli keluarga yang lain dan ketika itu juga api mula merebak dengan pantasnya ke bahagian lain di rumah kayu mereka.

Mereka seramai 13 sekeluarga itu hanya tinggal sehelai sepinggang kerana tidak dapat menyelamatkan barang-barang lain kecuali dokumen-dokumen penting namun mereka bersyukur kerana mereka semua dalam keadaan selamat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar

bin Haji Apong semasa mengadakan lawatan ke tempat kejadian berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan kebakaran pada jam 2.34 pagi dan tiga balai yang terlibat dalam kerja-kerja pemadam api, iaitu Balai Sungai Kebun, Balai Pelancaran dan Balai Bandar Seri Begawan.

Yang Berhormat juga menjelaskan, pihak JBP juga berdepan dengan cabaran semasa kejadian tersebut di mana air sungai yang begitu 'tuhur' telah menyukarkan lagi kerja-kerja pemadam api berkenaan.


Namun begitu, pasukan JBP yang melibatkan 20 anggota

dengan dua buah perahu yang diketuai oleh Pemangku Penolong Pengarah Operasi, SSFR Nooraflan bin Awang Kechi sedaya upaya memadamkan api dengan menggunakan air terbuka dan sehingga jam 9.00 pagi tadi, masih beroperasi memadam bara-bara api di tempat kejadian.

JBP menyarankan kepada orang ramai agar memastikan supaya tidak menggunakan terlalu banyak pemakaian elektrik (lebih bebanan) dan memastikan pendawaian dalam keadaan baik dan membuat pemeriksaan dengan syarikat yang bertauliah dan diiktiraf (DES).



ANTARA rumah yang musnah dijilat api (atas dan kanan).



Bentuk pasukan bantu MPMK

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUNGKU LINK, Khamis, 9 Januari. - Penghulu dan Ketua Kampung adalah pemimpin akar umbi yang bertanggungjawab bagi membantu memastikan rakyat dan penduduk di negara ini hidup dalam aman dan sejahtera.

Dalam hubungan ini, penghulu dan ketua-ketua kampung memerlukan satu pasukan yang dapat membantu dan bekerjasama untuk melaksanakan rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti mukim dan kampung khasnya daripada kalangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK).

Dalam masa yang sama, kita juga mengharapkan penduduk-penduduk kampung khasnya daripada kalangan mereka yang mempunyai berbagai latar belakang dan juga pelbagai pengalaman dan ahli profesional untuk tampil bagi memberikan khidmat bakti selaku Ahli MPMK sebagai salah satu saluran untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Bengkel Pengukuhan Kepimpinan bagi Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung yang diadakan di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

"Dengan berubahnya demografi penduduk di negara ini dengan jumlah belia melebihi 60 peratus, adalah juga penting supaya para belia dilibatkan dalam melaksanakan kegiatan atau rancangan MPMK sama ada sebagai ahli kepada Majlis ataupun menyertai secara aktif rancangan-rancangan MPMK."

Kita telah dapat menyaksikan penglibatan aktif para belia dalam beberapa buah Majlis Perundingan Kampung (MPK) yang secara langsung bertindak sebagai

penyuntik semangat penduduk kampung dan berjaya menukar wajah MPK berkenaan dengan menggerakkan aktiviti kebajikan dan ekonomi.

Ke arah ini, kita perlu meneroka pendekatan-pendekatan yang terbaik untuk menjinakkan para belia dengan rancangan-rancangan MPMK," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan penglibatan aktif para belia akan dapat menggerakkan pelbagai rancangan berkebajikan dan aktiviti sukarelawan.

Dari aspek ekonomi pula, terang Yang Berhormat lagi, Satu Kampung Satu Produk (1K1P) telah pun diusahakan selama lebih 20 tahun, namun 1K1P belum lagi pada keseluruhannya mencapai objektifnya bagi meningkatkan pendapatan penduduk kampung.

"Tidak dinafikan kita mempunyai beberapa kejayaan bagi mereka yang telah dapat menembusi pasaran setempat.

Dalam keadaan ekonomi yang

berubah, iklim perniagaan yang berubah, cita rasa pengguna yang berubah, kita perlu memberikan perhatian yang lebih serius mengenai perkara ini malah untuk meneliti semula, menyelaras dan menyesuaikannya dengan perubahan-perubahan masa ini sama ada dari segi produk, operasi dan sebagainya," ujar Yang Berhormat lagi.

Bengkel antara lain diisikan dengan taklimat mengenai kepimpinan akar umbi termasuk komunikasi berkesan, Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Perintah-Perintah Am, Peraturan Kewangan dan juga taklimat yang disampaikan oleh beberapa agensi kerajaan yang lain.

Ia diharapkan dapat meningkatkan lagi semangat dan motivasi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin akar umbi yang sentiasa terdedah dalam berbagai keadaan dan cabaran tanpa mengira waktu dan masa; meningkatkan dan menekankan ciri-ciri kewibawaan



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong berucap pada Majlis Perasmian Bengkel Pengukuhan Kepimpinan bagi Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung.

dan daya kepimpinan yang tinggi serta mempunyai nilai-nilai dan etika kerja yang murni; dan meningkatkan pengetahuan dan pengalaman yang luas dari aspek pengendalian anak-anak buah mukim dan kampung dan seterusnya bergiat aktif untuk membuat perancangan dan pelaksanaan mengenai hal ehwal kemasyarakatan.

Bengkel anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) tersebut diadakan selama dua hari dan dihadiri oleh

Penghulu-penghulu Mukim, Pemangku Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung di seluruh negara.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salmin bin Haji Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; serta Pegawai-pegawai Daerah, dan Pegawai-pegawai Kanan Kanan KHEDN.



PEGAWAI-pegawai Kanan Kerajaan ketika mengendalikan Bengkel Pengukuhan Kepimpinan bagi Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (kanan dan kiri).



ANTARA Penghulu Mukim, Pemangku Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Pemangku Ketua Kampung yang hadir pada bengkel tersebut (kiri dan kanan).

Mushaf Brunei Darussalam, Tafsirannya mula dicetak



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat dan menekan punat mesin bagi memulakan proses pencetakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya dan diikuti dengan laungan takbir, seterusnya menyemak hasil cetakan berkenaan. Juga hadir, Panel Masyaikh bagi penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya, iaitu Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz bin Juned (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Dari muka 1

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Hakim Mahkamah Rayuan Syar'iah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin; Timbalan Mufti Kerajaan Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin serta

Panel-panel Masyaikh lain juga pegawai kerajaan lainnya.

Bagi memberkati majlis, doa dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohamad Ali.

Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk mendapatkan keberkatan agar projek percetakan dan penerbitan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya (Juz 1) berjalan dengan lancar.

Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya adalah kesinambungan daripada Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang dicetak, diterbitkan, seterusnya dilancarkan pada tahun 2014. Sementara percetakan juga penerbitan Juz 2 dan seterusnya akan berjalan secara berperingkat-peringkat.

Mushaf Brunei Darussalam tulisan tangan adalah satu ristaan sejarah dan mercu tanda perkembangan syiar silam di zaman pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 3 Rabiulawal 1407H bersamaan 6 November 1986M.

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Usaha-usaha ke arah merealisasikan penulisan Mushaf Brunei Darussalam bermula dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

disempurnakan pelancarannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Ogos tahun 1992 di Istana Nurul Iman sempena Jubli Perak Pemerintahan baginda menaiki takhta.

Manakala Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya pula dilancarkan pada Ahad (malam Isnin) 7 September 2009 sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara bagi tahun 1430 dan disempurnakan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abd. Aziz selaku Panel Masyaikh bagi penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya bersama hadirin lain menadah tangan ketika Doa dibacakan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Mohamad Ali pada Majlis Doa Selamat bagi Memulakan Proses Pencetakan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya - Juz 1, di Jabatan Percetakan Kerajaan.

Menerima kunjungan hormat



MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima kunjungan hormat daripada Setiausaha Tetap (Pertahanan) Republik Singapura, Tuan Chan Heng Kee (kiri). Sementara gambar kanan, Tuan Chan Heng Kee ketika membuat kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejor Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

BOLKIAH GARISON, Khamis, 9 Januari. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof telah menerima kunjungan hormat daripada Setiausaha Tetap (Pertahanan) Republik Singapura, Tuan Chan Heng Kee, di sini.

Turut hadir dalam kunjungan hormat tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura di



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof memperkenankan Sesi Muzakarah.

BERAKAS, Khamis, 9 Januari - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) mengadakan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Al-Mahabbah, Tingkat 1, Bangunan MTIC, di sini.

Hadir memperkenankan Sesi Muzakarah tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof.

Sementara itu, rombongan Ahli Majlis Mesyuarat Negara seramai 18 orang, diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

Sebelum Sesi Muzakarah dimulakan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara terlebih dahulu berpeluang menyaksikan 'Innovation Showcase' dan Galeri Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), masing-masing

Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai.

Tuan Chan Heng Kee, yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan pengenalan beliau dari 8 hingga 9 Januari 2020, juga membuat kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejor Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan juga rakan sejawat

beliau, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (Bersara) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah, kelmarin.

Sebagai sebahagian program lawatan beliau, Tuan Chan Heng Kee mengadakan lawatan ke Muzium ABDB dan Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Jamuan makan malam rasmi



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

juga dihoskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan bagi menyambut kedatangan Tuan Chan Heng Kee.

Lawatan Tuan Chan Heng Kee menggariskan hubungan pertahanan dua hala yang mesra dan lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam dan Republik

Singapura. Kedua-dua institusi pertahanan dan angkatan tentera mempunyai interaksi yang luas dan kerap dalam bentuk pertukaran lawatan, dialog-dialog, mesyuarat-mesyuarat, eksesais ketenteraan, latihan, kursus, pameran dan program pembangunan dan interaksi.

MTIC adakan muzakarah bersama Ahli-ahli MMN

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

memperlihatkan inovasi pintar melalui konsep 'Smart Home' sebagai gambaran secara sepintas lalu cara hidup pintar dalam masa terdekat yang dimudahkan dengan kemajuan teknologi dan inovasi terkini dalam Revolusi Industri 4.0.

Manakala pada Galeri MKKJR, rombongan juga menyaksikan kemajuan-kemajuan terkini dalam usaha mengurangkan kadar terjadinya kemalangan di jalan raya di negara ini kepada sifar menjelang tahun 2025. Usaha tersebut termasuk projek yang dikenali sebagai RADED (Road Accident Data Development and Enhancement) yang merupakan sebuah sistem pangkalan data (*database*) secara berkomputer yang membolehkan penganalisaan terperinci dalam menstrategikan lagi inisiatif-inisiatif keselamatan jalan raya secara keseluruhan.

Sesi Muzakarah didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiyah serta Doa Selamat oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Pengiran Haji Mohd. Ismail bin Pengiran Haji Tuah yang diikuti dengan ucapan alu-aluan disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dalam ucapan alu-alu tersebut beliau antara lain mengongsikan mengenai rangka kerja Pelan Induk Ekonomi Digital, di samping aspek-aspek utama dalam Perancangan Strategik Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi 2025 yang bakal

dilancarkan pada tahun ini.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri turut menyentuh peranan MTIC yang semakin meluas yang kini melibatkan antara lainnya aspek sekuriti siber, e-Kerajaan, Sains dan Teknologi.

Turut dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri ialah pelan tindakan MTIC yang disasarkan bagi tempoh lima tahun yang akan datang.

Sesi Muzakarah antara MTIC dan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah satu platform untuk berbincang secara terbuka juga bertukar-tukar pandangan dalam suasana muhibah mengenai sektor pengangkutan dan infokomunikasi terutama sekali dalam meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan juga program yang diunggah oleh MTIC di bawah MTIC demi kepentingan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Setiausaha Tetap MTIC, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi dan Korporat), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan, Penyelidikan dan Perancangan dan Korporat), Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak; Pengarah-pengarah Bahagian, Ketua-ketua Jabatan dan Pihak Berkuasa juga Pegawai-pegawai Kanan MTIC.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara berpeluang menyaksikan 'Innovation Showcase' dan Galeri Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR), masing-masing memperlihatkan inovasi pintar melalui konsep 'Smart Home'. Juga hadir, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Awang Abdul Mutalib.



ROMBONGAN Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara seramai 18 orang, diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi.

YSHHB sumbangkan kewangan kepada mangsa kebakaran



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) (tiga, kiri) hadir dan menyampaikan sumbangan kewangan YSHHB berjumlah BND79,600 kepada sembilan buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Pengiran Bendera Lama pada Majlis Penyampaian Sumbangan YSHHB berkenaan (atas, kanan dan bawah).



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Selaras dengan dasar penubuhannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang sangat memerlukannya.

Justeru itu, YSHHB menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND79,600 kepada sembilan buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah di Kampung Pengiran Bendera Lama yang baru terjadi kelmarin, berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks YSHHB, di sini.

Sumbangan daripada Yayasan disampaikan oleh Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengurus Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan YSHHB.

Di majlis ini juga, Kementerian Pendidikan turut menyampaikan sumbangan kepada pelajar daripada keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah yang disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Hj Abdul Rahman.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian

Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Pada majlis tersebut, ketua keluarga mangsa kebakaran yang menerima sumbangan daripada YSHHB, Dayang Hasimah binti Abdul Rahman; Dayang Norhafizah binti Haji Jaini; Awang Haji Daud bin Haji Momin; Awang Abdullah Chik bin Abdullah; Awang Haji Mohd. Jeffry bin Haji Mohd. Ali; Awang Abdul Majeed bin Moosa; Awang Haji Tahir bin Salleh; Awang Osli bin Omar; dan Awang Haji Mohammed Azmi bin Haji Nohi.

Sumbangan ini dihasratkan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Majlis kesyukuran sempena Ulang Tahun TAP



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengurus Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja (TAP) (enam, kiri) pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat sempena Ulang Tahun Penubuhan TAP Ke-27 di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien. Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga TAP, Ahli-ahli Panel Pelaburan, Jawatankuasa Polisi Sumber Tenaga Manusia, Jawatankuasa Audit dan pegawai serta kakitangan TAP.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Sempena Ulang Tahun Penubuhan Tabung Amanah Pekerja (TAP) Ke-27,

TAP menganjurkan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengurus Lembaga Pengarah TAP.

Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga TAP, Ahli-ahli Panel Pelaburan, Jawatankuasa Polisi Sumber Tenaga Manusia, Jawatankuasa Audit dan pegawai serta kakitangan TAP.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sunat Hajat Berjemaah, bacaan

Surah Yaa Siin, Tahlil serta Doa Kesyukuran, diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis juga diselanjurkan dengan penyampaian wakaf untuk masjid berkenaan hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan TAP.

Rakyat salah satu aset penting negara



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah (dua, kanan) hadir pada Bengkel Kerja Voluntary National Review (VNR) bagi Negara Brunei Darussalam di Hotel Antarabangsa Rizqun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Januari. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menekankan peranan utama Agenda Pembangunan Berdayatahan 2030 (2030 Agenda for Sustainable Development) dalam menjana usaha di peringkat

sedunia terhadap mencapai masa hadapan yang lebih baik dan berdaya tahan.

Tambah Yang Berhormat meskipun usaha dalam beberapa bidang seperti pembasiman kemiskinan sudah berkembang maju, usaha-usaha masih diperlukan untuk menangani cabaran-cabarannya lain seperti perubahan iklim.

Yang Berhormat menyatakan perkara demikian semasa menyampaikan Ucaptama pada Bengkel Kerja Voluntary National Review (VNR) bagi Negara Brunei Darussalam di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Oleh yang demikian ujar Yang Berhormat, negara-negara digalakkan untuk terus bekerjasama dalam menangani

cabaran-cabarannya tersebut.

Menyentuh mengenai usaha-usaha Negara Brunei Darussalam dalam mencapai perkembangan negara, Yang Berhormat menekankan rakyat sebagai salah satu aset penting negara.

Yang Berhormat seterusnya menekankan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk terus meluruh dalam rakyat melalui pendidikan dan perkhidmatan kesihatan berkualiti, kewangan inklusif juga tenaga kerja produktif.

Bengkel Kerja VNR dianjurkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UN ESCAP) dan United Nations Development Programme (UNDP) selama dua hari bermula hari ini hingga 9 Januari 2020.

Bengkel tersebut merupakan salah satu langkah persediaan bagi penyertaan kali pertama Negara Brunei Darussalam dalam Sesi VNR, semasa United Nations High

Level Political Forum on Sustainable Development yang akan diadakan pada bulan Julai 2020.

Bengkel kerja berkenaan, yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan di negara ini, menunjukkan komitmen negara terhadap Matlamat Pembangunan Berdayatahan, yang disahkan oleh Negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015.

Turut hadir semasa acara tersebut, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Setiausaha-setiausaha Tetap; dan pegawai-pegawai kerajaan daripada beberapa kementerian yang berkenaan.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu diwakili oleh Puan Katinka Weinberger daripada Bahagian Alam Sekitar dan Pembangunan, UN ESCAP juga beberapa pegawai daripada UN ESCAP dan UNDP.

Belia perlu ambil serius peraturan jalan raya!

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUNGKU LINK, Rabu, 8 Januari. - Statistik Menyeluruh Kemalangan Jalan Raya bagi tahun 2011 - 2019 di Negara Brunei Darussalam menunjukkan trend atau kecenderungan yang menurun daripada 3,598 kes menjadi 1,196 kes, di mana kes yang melibatkan kematian (fatal) dalam jangka masa yang sama juga menurun daripada 47 kes menjadi 13 kes.

Manakala statistik kemalangan yang mengakibatkan kecederaan mengikut umur, terutama dalam kalangan belia, berumur 18 hingga 28 tahun turut menunjukkan pencapaian yang baik dengan 319 kes pada 2017 berbanding 220 kes di sepanjang tahun 2019.

Walaupun demikian, usaha untuk membendung kes-kes kemalangan di jalan raya terus dijalankan bagi menekankan pentingnya memandu secara bertanggungjawab dengan memberi tumpuan kepada komunikasi tujuh mesej keselamatan jalan raya utama, iaitu memandu tidak melebihi had laju; memasang tali pinggang keledar; tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu; tidak memandu di bawah pengaruh dadah dan alkohol (DUI); memakai helmet dan / atau pakaian yang sewajarnya semasa menunggang basikal atau motosikal; kesedaran kepada pengguna jalan raya terdedah (pejalang kaki, anak sekolah, pelari dan penunggang basikal) dan juga pemeriksaan tayar.

Sehubungan itu, Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad (BSP), Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR); Brunei Shell Marketing

Company (BSM) dan MEGAMAS Training Company Sendirian Berhad dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Program Jangkauan Keselamatan Jalan Raya 'Tell Everyone' (Tell Everyone Road Safety Outreach Programme) Kali Pertama bagi Tahun 2020 yang berlangsung di Dewan Canselor, UBD.

Program sehari tersebut bertujuan untuk mempromosikan tingkah laku keselamatan jalan raya yang baik dan beretika, terutamanya dalam kalangan belia, melalui tugas di institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan program tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Paduka Haji Mohammad Yusof.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuqe bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Canselor UBD, Dayang Rubiah binti Haji Yacob; Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); Timbalan Setiausaha Tetap MTIC; pegawai-pegawai kanan kerajaan; juga penuntut-penuntut.

Program dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua HSE dan Sekuriti BSP, Awang Osmera Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya Brunei Shell Joint Venture (BSJV) menyampaikan ucapan alu-aluan pada Program Jangkauan Keselamatan Jalan Raya 'Tell Everyone' itu.

bahawa keselamatan jalan raya bukanlah sesuatu yang perlu kita ambil ringan. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan bahawa 1.35 juta orang meninggal dunia setiap tahun dari kematian trafik, bersamaan dengan setiap 23 saat.

"Walau apa pun penyebabnya, perkataan *accident* membawa konotasi negatif yang nyata - namun ia juga yang mempersiapkan kita untuk bersedia. Inilah satu mesej yang ingin kami sampaikan hari ini iaitu, kemalangan itu boleh dicegah," tambahnya.

Majlis diteruskan dengan Taklimat Keselamatan Jalan Raya bertajuk 'The Importance of Wearing Seat Belts', disampaikan oleh wakil dari MEGAMAS, Awang Ranold bin Ramli.

Kempen tersebut diisikan dengan sesi perbincangan (*breakout sessions*) dan aktiviti-aktiviti untuk memperdalamkan kefahaman dan pengetahuan mengenai keselamatan jalan raya, antaranya *seatbelt convincer* MKKJR; simulasi memandu di bawah pengaruh ubat-ubatan atau alkohol menggunakan *drug goggles*; latihan *stimulator* dalam talian untuk menguji keberkesanannya semasa bercakap di telefon; memperbaiki tingkah laku melalui pengesanan kendaraan (*vehicle tracking*), penilaian risiko jalan raya serta demonstrasi pengurusan keletihan.

Program juga dimeriahkan dengan bahan-bahan pameran dari Persekutuan Basikal Brunei Darussalam (BDCF) dan juga Kereta Shell Eco Marathon Shell UBD dan sistem lalu lintas pintar yang memberi tumpuan kepada keselamatan jalan raya dan tingkah laku pemandu.

Program juga dijalankan sejak tahun 2018 yang bertujuan untuk meningkatkan kecenderungan keselamatan jalan raya dan menyumbang kepada pengurangan kemalangan jalan raya. Oleh itu, belia adalah digalakkan untuk mengambil serius mengenai pelanggaran



MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Paduka Haji Mohammad Yusof menyertai beberapa aktiviti yang diadakan Program Jangkauan Keselamatan Jalan Raya 'Tell Everyone' (Tell Everyone Road Safety Outreach Programme) Kali Pertama bagi Tahun 2020.

Selain Program Outreach, BSM juga telah melaksanakan pelbagai kempen keselamatan jalan raya seperti 'Can You See Us' dan 'Fill Safe, Feel Safe' yang merupakan suara pemandu kereta tangki BSM, dan cabaran mereka hadapi ketika berkongsi jalan dengan pengguna jalan raya dan kendaraan yang tidak dapat dilihat di titik buta (*blind spot*) mereka.

Manakala Kempen Fill Safe, Feel Safe mengongsikan keprihatinan petugas pam serta pelanggan dalam stesen petrol pada tingkah laku yang tidak selamat, seperti tidak mematikan enjin kereta dan menggunakan telefon bimbit semasa mengisi minyak.

Program 'Tell Everyone' ini dijalankan sejak tahun 2018 yang bertujuan untuk meningkatkan kecenderungan keselamatan jalan raya dan menyumbang kepada pengurangan kemalangan jalan raya. Oleh itu, belia adalah digalakkan untuk mengambil pelanggaran



KETUA HSE dan Sekuriti BSP, Awang Osmera Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya Brunei Shell Joint Venture (BSJV) menyampaikan ucapan alu-aluan pada Program Jangkauan Keselamatan Jalan Raya 'Tell Everyone' itu.

Sekolah IQRA terima BND530,000



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Januari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sentiasa berusaha memeduli hal ehwal institusi-institusi keagamaan, apakah lagi yang berhubung kait dengan memelihara kitab suci Al-Quran. Sehubungan itu, Majlis

Penyerahan Agihan Zakat Asnaf Al-Gharimin kepada Persatuan IQRA Negara Brunei Darussalam (NBD) berlangsung hari ini.

Hadir menyempurnakan penyerahan agihan tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Naib Yang Dipertua MUIB, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyeraikan agihan Zakat Asnaf Al-Gharimin kepada Persatuan IQRA Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diterima oleh Ketua Pentadbiran Sekolah Membaca Al-Quran dan Sekolah Rendah IQRA selaku Bendahari Agong Persatuan IQRA NBD, Dayang Hajah Maizatul Hasmawita binti Haji Mashud (atas). Sementara gambar kiri, Yang Mulia Timbalan Menteri HEU bergambar kenangan sempena dengan majlis tersebut.

Sekolah Membaca Al-Quran dan Sekolah Rendah IQRA selaku Bendahari Agong Persatuan IQRA NBD, Dayang Hajah Maizatul Hasmawita binti Haji Mashud.

Sekolah IQRA merupakan sekolah yang sudah lama wujud juga berjaya dalam sama-sama mendidik anak-anak juga orang dewasa di negara ini agar mampu dan mahir dalam ilmu pembacaan Al-Quran.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Naib Yang Dipertua MUIB, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar menyeraikan agihan Zakat Asnaf Al-Gharimin kepada Persatuan IQRA Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diterima oleh Ketua Pentadbiran Sekolah Membaca Al-Quran dan Sekolah Rendah IQRA selaku Bendahari Agong Persatuan IQRA NBD, Dayang Hajah Maizatul Hasmawita binti Haji Mashud (atas). Sementara gambar kiri, Yang Mulia Timbalan Menteri HEU bergambar kenangan sempena dengan majlis tersebut.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Agihan Zakat Asnaf Al-Gharimin tersebut adalah bagi membayar hutang persatuan tersebut, berjumlah sebanyak BND530,000 yang digunakan bagi pembinaan dan pengubahsuaian Sekolah IQRA, Kampung Manggis.


Pembinaan dan pengubahsuaian

sekolah tersebut selesai pada tahun 2018 lalu dengan menitikberatkan keselesaan pelajar-pelajar.


Hadir sama, Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Majlis Ugama Islam dan Ahli-ahli Persatuan IQRA.

KDNK meningkat pada harga tetap

Perkembangan KDNK bagi Negara Brunei Darussalam Q12018-Q32019



KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi



Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Pada suku ketiga (Q3) 2019, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah berjumlah BND4.3 bilion berbanding BND4.5 bilion pada Q3 2018. Sektor Minyak dan Gas yang bernilai BND2.3 bilion telah menyumbang 54.0 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.

Pada harga tetap, KDNK pada Q3 2019 meningkat sebanyak 2.0 peratus tahun-ke-tahun. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan terutamanya dalam Sektor Bukan

Minyak dan Gas sebanyak 3.3 peratus. Manakala, Sektor Minyak dan Gas meningkat sebanyak 1.0 peratus.

Peningkatan dalam Sektor Bukan Minyak dan Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Kewangan sebanyak 19.0 peratus berikutan peningkatan pada aktiviti perkhidmatan perbankan.

Peningkatan dalam Sektor Minyak dan Gas adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah daripada 105.5 ribu tong

sehari pada Q3 2018 kepada 113.3 ribu tong sehari pada Q3 2019.

Mengikut jenis kegiatan ekonomi, pertumbuhan positif tahun-ke-tahun pada suku ketiga 2019 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Sektor Perkhidmatan sebanyak 4.8 peratus. Antara lain, ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Subsektor Kewangan, Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit dan Subsektor Kesihatan.

Manakala, Sektor Industri meningkat sebanyak 0.4 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah serta peningkatan dalam Subsektor Elektrik dan Air.

Walau bagaimanapun, Sektor Pertanian, Perhutanan dan

Subsektor Ternakan mencatatkan penurunan sebanyak 4.9 peratus berikutan penurunan dalam Subsektor Perikanan dan Subsektor Ternakan. Penurunan dalam pengeluaran industri tangkap secara kecil-kecil menjadinya penyebab utama penurunan Subsektor Perikanan. Manakala, penurunan Subsektor Ternakan adalah

mencatatkan penurunan sebanyak 4.9 peratus berikutan penurunan dalam Subsektor Perikanan dan Subsektor Ternakan. Penurunan dalam pengeluaran industri tangkap secara kecil-kecil menjadinya penyebab utama penurunan Subsektor Perikanan. Manakala, penurunan Subsektor Ternakan adalah

perbelanjaan, peningkatan KDNK adalah disebabkan terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport bersih barang dan perkhidmatan. Manakala, perbelanjaan kapital mencatatkan penurunan sebanyak 19.5 peratus tahun-ke-tahun, setelah meningkat sebanyak 16.4 peratus pada Q2 2019.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. Laporan penuh KDNK Suku Ketiga 2019 boleh didapati melalui laman sesawang Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik : www.depdp.gov.bn.



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali berucap pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi Rekrut Polis Konstabel dan Rekrut Polis Tambahan Skuad 1/2019.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali menekankan kepada semua warga pasukan agar sentiasa menanai amanah yang diberikan untuk memberikan perkhidmatan dengan nilai-nilai yang profesional, bersifat adil dan tidak pilih kasih serta tidak memperalatkan orang lain demi untuk kepentingan diri sendiri.

Dengan adanya Pasukan Polis yang amanah dan sentiasa bekerja keras secara profesional jelas Yang Mulia Dato Paduka Seri, maka orang ramai tidak akan mempunyai sebarang keraguan dan sentiasa akan mengharapkan

"Para pelatih diberikan pembelajaran berbagai konsep kepolician seperti etika disiplin, peraturan dan undang-undang negara. Turut diselitkan ialah pembinaan jati diri selaku teras dan lambang kepada ciri-ciri seorang anggota polis yang mengutamakan sikap profesionalisme serta komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan," ujarnya.

Katanya lagi, anggota polis tidak akan terlepas daripada isu integriti dan disiplin dalam kalangan penjawat awam dan dalam konteks ini, integriti dan disiplin bukan

Warga PPDB perlu menanai amanah diberikan

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

bantuan daripada Pasukan Polis sebagai benteng utama dalam menjaga keamanan dan kesejahteraan negara ini.

Perkara demikian ditegaskan oleh Pesuruhjaya Polis PPDB pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi Rekrut Polis Konstabel dan Rekrut Polis Tambahan Skuad 1/2019 yang berlangsung di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis PPDB, Gadong, di sini.

Terdahulu Dato Paduka Seri menjelaskan, latihan asas kepolician merupakan sangat penting untuk dijadikan sebagai pegangan dan primer dalam melaksanakan tugas harian nanti.

"Para pelatih diberikan pembelajaran berbagai konsep kepolician seperti etika disiplin, peraturan dan undang-undang negara. Turut diselitkan ialah pembinaan jati diri selaku teras dan lambang kepada ciri-ciri seorang anggota polis yang mengutamakan sikap profesionalisme serta komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan," ujarnya.

Katanya lagi, anggota polis tidak akan terlepas daripada isu integriti dan disiplin dalam kalangan penjawat awam dan dalam konteks ini, integriti dan disiplin bukan

hanya merujuk kepada isu tata tertib tetapi turut merangkumi ruang lingkup luas, antaranya membabitkan tanggungjawab serta amanah kita.

Bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam kali Ke 26 tambahnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Lawatan Kerja Baginda ke PPBD pada 5 September 2019 yang lalu yang menyentuh mengenai kredibiliti PPBD terhadap penglibatan warga pasukan dalam gejala rasuh, penyalahgunaan dadah, penglibatan dalam aktiviti

maknanya berkhidmat tanpa amanah, Amanah adalah 'tiang seri' keadilan. Rakyat mesti dilindungi dan dibela dengan keadilan. Inilah ajaran ugama kita.

"Para pelatih juga berkesempatan untuk mendengar Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa amanah adalah wajib diamalkan oleh setiap warga Perkhidmatan Awam. Tidak ada

jenayah, meminum minuman keras dan pecah amanah," ujarnya.

Jelasnya lagi, baginda seterusnya mengingatkan bahawa tugas sebenar PPBD ialah untuk mencari kecemerlangan dalam kerjaya mereka, mencegah jenayah dan membersihkan Negara Brunei Darussalam daripada jenayah.

Dalam masa satu tahun lagi tambahnya, PPBD akan meraikan Hari Polis yang Ke 100 tahun, satu perjalanan masa yang agak jauh dan penuh dengan cabaran, pengorbanan dan sejarah penting demi menjana keharmonian dan kesejahteraan negara.

"Rentang waktu satu abad setentunya menjadikan Pasukan Polis Diraja Brunei lebih matang, berinovasi dan mampu menempatkan dirinya setaraf dengan kecekapan pasukan Polis di negara yang maju dan berjaya.

Dari itu, marilah kita sama-sama menanamkan iltizam untuk bekerjasama senada dan sehaluan demi untuk meningkatkan lagi profesionalisme berteraskan kekuatan disiplin dan ketulusan integriti ke arah urus tadbir pasukan yang cemerlang," ujarnya.



PESURUHJAYA Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan menyampaikan anugerah kepada rekrut terbaik.

Upacara Perbarisan Tamat Latihan PPDB



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan Rekrut Polis Konstabel dan Rekrut Polis Tambahan Skuad 1 Tahun 2019.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Seramai 78 Rekrut Polis Konstabel dan 25 Rekrut Polis Tambahan Skuad 1 Tahun 2019 yang menjalani latihan asas selama enam bulan menamatkan latihan mereka pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan berlangsung di Padang Kawad Besar, Pusat Latihan Polis Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara berkenaan ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Pada majlis tersebut, Pesuruhjaya Polis, PPDB mula-mula memeriksa perbarisan Kawalan Kehormatan diikuti dengan menyempurnakan

penyampaian anugerah kepada rekrut-rekrut terbaik.

Rekrut 6816 Muhammad Iqmal Rafie bin Jafire dipilih sebagai Rekrut Terbaik Keseluruhan Polis Konstabel Skuad 1/2019 manakala Rekrut Terbaik Dalam Undang-Undang Polis Konstabel Skuad 1/2019 disandang oleh Rekrut 6772 Awangku Mohd Aliuddin bin Pengiran Norsahminan.

Sementara, Rekrut APO 7144 Muhammad Shahriel Ardini bin Abdullah Kadai pula dipilih sebagai Rekrut Terbaik Keseluruhan Polis Tambahan Skuad 1/2019.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Imam Surau, Ibu Pejabat Polis Gadong, A/Sgt 6472 Mohammad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Kemuncak upacara tersebut

diteruskan dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa gerak perlahan dan cepat serta mara ke hadapan oleh para rekrut Polis Konstabel dan Polis Tambahan Skuad 1/2019.

Atur cara kemudiannya diteruskan di Dewan Serbaguna Pusat Latihan Polis di mana tetamu kehormat turut diperkenalkan kepada rekrut-rekrut yang berjaya menamatkan latihan serta bergambar ramai bersama para bekas rekrut yang diraikan.

Turut hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Pahlawan Haji Mohd Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid, Pengarah-pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah, Pegawai - pegawai kanan, Pegawai - pegawai dan anggota-anggota PPDB juga ahli keluarga rekrut yang menamatkan latihan.



PERBARISAN berjalan lalu dalam masa gerak perlahan dan cepat juga mara ke hadapan oleh para rekrut Polis Konstabel dan Polis Tambahan Skuad 1/2019 (atas dan kiri).

Persiapan menghadapi cabaran dinamik



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejari Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (tiga, kiri) hadir merasmikan Majlis Pembukaan bagi Kursus Maktab Turus Sesi Ke-10, di Akademi Pertahanan ABDB.

TANAH JAMBU, Khamis, 9 Januari. - Tahun 2020 menandakan satu tahun penting bagi Maktab Turus kerana telah mengendalikan Kursus 'Command and Staff' (CSC) Ke-10.

Selain itu, Universiti Brunei Darussalam (UBD) sebagai pembekal akademik bagi kursus berkenaan sejak tahun lepas, terus saling bekerjasama untuk maju dalam mencapai akademi bereputasi bertaraf dunia.

Di samping itu, negara peserta kohort ke-10 pula turut membuktikan persahabatan kukuh dan saling berkongsi sama di antara satu sama lain, dengan membolehkan kita untuk terus membina kepercayaan dan berkongsi pengalaman serta mempromosi integrasi melalui tujuan bersama dalam memelihara keamanan dan meningkatkan

kerjasama di rantau dalam dan luar negara.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejari Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud selaku tetamu kehormat berucap demikian semasa merasmikan Majlis Pembukaan bagi Kursus Maktab Turus Sesi Ke-10 bertempat di Akademi Pertahanan ABDB.

Menurutnya, bermula hari ini, para peserta akan memulakan perjalanan pembangunan profesional mereka, di mana pembelajaran mengenai strategik dan operasi dalam pertahanan dan keselamatan akan menjadi asas bagi kursus mereka.

Sebagai Pemimpin Kanan (Senior Leaders) jelasnya, para peserta dijangka mempunyai ketangkasan intelektual dan minda

untuk menyesuaikan diri dalam menangani cabaran dinamik yang akan mereka hadapi.

"Selain itu, kepimpinan berwawasan dan hubungan komunikasi juga amat diperlukan untuk mencapai matlamat strategik tersebut," tambahnya lagi.

Oleh itu terangnya, CSC diberi tanggungjawab untuk membantu melengkapkan dan mempersiapkan diri para peserta untuk menjadi pegawai kanan yang cekap dan berkesan.

Dengan permulaan Revolusi Industri Keempat, tiada keraguan bahawa perubahan tidak dapat dielakkan, oleh itu adalah penting untuk kita perlu lebih responsif untuk berubah menjadi seorang yang relevan.

Dari itu tambahnya lagi, sebagai pemimpin, tidak kira di tahap mana, adalah penting untuk mempunyai kedua-dua keupayaan dan kesediaan untuk berubah ke arah penyesuaian dan penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan ketahanan sebuah organisasi.

Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan juga berharap setiap seorang daripada para peserta akan terus maju melalui pertukaran idea dan perspektif secara aktif, berkongsi pengalaman dan pembelajaran yang berterusan, dan memanfaatkan peluang yang ada dengan penuh tekad sebagai tonggak penting dalam pembangunan profesional mereka.

Acara diteruskan dengan Upacara 'Flag Unfurling' oleh wakil daripada para peserta kursus terdiri daripada pegawai-pegawai antarabangsa dari 13 buah negara.

Seramai 37 pegawai menyertai kursus tersebut termasuk 20

pegawai ABDB; seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei; seorang pegawai awam daripada Kementerian Pertahanan dan juga 15 pegawai-pegawai antarabangsa dari 13 buah negara terdiri dari Australia, Republik Rakyat Bangladesh, Republik Rakyat China, Republik Indonesia, Malaysia, New Zealand, Kesultanan Oman, Republik Islam Pakistan, Republik Filipina, Saudi Arabia, Republik Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat.

Kursus Maktab Turus yang dijalankan selama 40 minggu itu akan bekerjasama dengan pihak UBD yang mana kali ini diadakan buat tahun kedua sebagai pembekal akademik dan bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan profesional dan akademik dalam mempelajari isu-isu strategik pada masa kini serta kesannya dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Peserta-peserta kursus yang berjaya akan dianugerahkan Graduate Diploma in Defence and Security Studies daripada pihak UBD dan akan berpeluang untuk melanjutkan pembelajaran ke Masters in Defence and Security Studies.

Juga hadir, Pemangku Naib Canselor UBD, Dayang Hajah Rubiah binti Haji Yacob, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, pegawai - pegawai kanan juga Penasihat / Atase Pertahanan ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam temu bual bersama Australian Defence Force Squadron Leader, Matthew Xerri melahirkan rasa teruja beliau apabila terpilih untuk mengikuti bengkel berkenaan,



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejari Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud merasmikan majlis

memandangkan peluang untuk mengikuti bengkel seumpamanya merupakan satu proses pemilihan yang sukar.

Di samping itu, beliau juga berhasrat untuk belajar bagaimana untuk memiliki kepimpinan yang hebat dari segi berfikir kritis tentang apa yang sedang berlaku di rantau ini dan untuk dasar pertahanan, seterusnya membawa pulang ilmu, keupayaan dan pengalaman yang ada untuk dirancang langkah-langkah seterusnya dan turut bersedia berupaya untuk memimpin orang lain.

Tambah beliau lagi, selain keutamaan untuk perlu lulus kursus tersebut, beliau juga berkeinginan untuk mendalami dan memahami lagi budaya dan tradisi orang-orang Brunei dan seterusnya dapat menjalankan hubungan muhibah dan persahabatan yang lebih kukuh sebagai sebuah keluarga.



PENGARAH Radio Televisyen Brunei (RTB) Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu (dua, kiri) menandatangani Perjanjian Tajaan bagi rancangan Anugerah Pelangi Ke-7 bersama salah sebuah syarikat yang menaja rancangan tersebut (atas). Sementara gambar bawah, pertukaran dokumen yang ditandatangani pada Majlis Penandatanganan Perjanjian Tajaan itu, di Studio Al Ansar, RTB, di ibu negara.



Perjanjian Tajaan Anugerah Pelangi Ke-7 dimeterai

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Anugerah Pelangi Ke-7 akan diadakan pada hari Sabtu 18 Januari 2020, di Jerudong Park Amphitheatre, bermula jam 8.00 malam.

Anugerah tersebut merupakan platform dalam memberi penghargaan dan pengiktirafan Radio Televisyen Brunei (RTB) kepada para artis tanah air yang bergiat aktif dalam bidang muzik, nyanyian dan penciptaan lagu.

Projek kali ketujuh itu mula diperkenalkan pada tahun 2005 yang menjadi landasan berterusan kepada para penggiat seni untuk berkarya lebih aktif dan kreatif.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian Tajaan berlangsung di Studio Al Ansar, RTB di ibu negara, di sini.

RTB diwakili oleh Pengarahnnya, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dan Pemangku Ketua Bahagian Rancangan Radio, Awang Koh Thian Chan.

Manakala mewakili Imagine

Sendirian Berhad, Ketua Perhubungan Pemasarannya, Awang Vernon Yong Voon Hong dan 15 buah syarikat yang menaja rancangan berkenaan, diwakili oleh para pengurus syarikat berkenaan.

Terdahulu, Pemangku Penolong Ketua Rancangan Radio I, Dayang Salmi binti Haji Ibrahim juga selaku Pengurus Anugerah Pelangi dalam ucapannya berkata anugerah ini dihasilkan untuk menjadi landasan pendedahan bakat artis-artis tempatan seperti penyanyi, pemuzik, komposer dan penulis lirik untuk terus berkarya secara kreatif.

Selain itu jelasnya, ia dijadikan sebagai *benchmark* dalam mengukur karya seni dan populariti artis tempatan di Negara Brunei Darussalam dan antarabangsa.

Anugerah Pelangi Ke-7 dibawakan khas oleh Imagine Sendirian berhad dan turut ditaja bersama oleh Al-Bukhari Textiles;

Brunei Shell Marketing; Khan's Carpet; Amillennium Holdings; Thomson Furniture; Samima Sendirian Berhad.

Ia turut disokong oleh Artz Production; Cityneon Displays and Construction Sendirian Berhad; The Garden's Veranda; Al-Hayah Brunei; Rimba Garden; Syarikat Rajamas Bersama; Wafa Hotel and Apartment dan Dpicboxbn Photobooth.

Tahun ini Anugerah Pelangi mempertaruhkan lapan kategori, iaitu Artis Baharu Pilihan, Vokal Wanita Pilihan, Vokal Lelaki Pilihan, Vokal Duo / Kumpulan Pilihan, Artis Baharu Pilihan, Lagu Pilihan, Lagu Inspirasi Pilihan, Muzik Video Pilihan dan Anugerah Eksklusif.

Setiap pemenang kategori akan menerima wang tunai sebanyak BND2,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Anugerah Pelangi ini diadakan setiap dua tahun bagi membolehkan para penggiat seni menghasilkan lebih banyak karya berkualiti tinggi dan memartabatkan lagi industri hiburan tempatan di negara ini.



KETUA Kluster 6, Dayang Asmah binti Tengah dan Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP), Dr. Ceri M. Powell (tengah) hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan Buku Bersiri Kanak-kanak pertama, bertajuk 'BSP Energy Series' di Sekolah Rendah Panaga, Seria sempena Ulang Tahun Ke-90, iaitu 'Honouring The Past, Making The Future'.

Berita dan Foto : Noraizah Haji Muhammed

PANAGA, Khamis, 9 Januari. - Tema yang diketengahkan oleh Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP) sempena Ulang Tahun Ke-90, iaitu 'Honouring the Past, Making the Future' melambangkan perkongsian yang berterusan dan berkekalan di antara Kerajaan Brunei Darussalam dan Royal Dutch Shell.

Sehubungan itu, BSP melancarkan Buku Bersiri Kanak-kanak yang pertama bertajuk 'BSP Energy Series' di Sekolah Rendah Panaga, Seria.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan buku berkenaan, Ketua Kluster 6, Dayang Asmah

binti Tengah dan Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri M. Powell.

Buku Siri Tenaga BSP diterbitkan bersempena dengan Ulang Tahun Ke-90 BSP, dengan tujuan menceritakan kisah minyak, gas dan tenaga secara umum di Negara Brunei Darussalam sepanjang dekad ini.

Setiap siri didekidasikan untuk wira-wira BSP dari generasi sebelumnya yang telah banyak berjasa memastikan BSP terus memacu masa depan negara, begitu juga kakitangan BSP yang bekerja keras demi hari esok dan juga pemimpin masa depan.

Walaupun buku tersebut



BUKU Bersiri Kanak-kanak yang pertama bertajuk 'BSP Energy Series' dilancarkan.

disasarkan untuk kanak-kanak dalam lingkungan sembilan hingga 11 tahun, namun ia diharap akan dapat memberikan keseronokan dan pendidikan kepada semua kumpulan umur.

Buku tersebut mengisahkan pengembaran sekumpulan kanak-kanak iaitu 'Science Squad' yang dalam misi mempelajari mengenai tenaga bermula dari minyak dan gas, dari mana ia

datang, perjalannya dan bagaimana ia digunakan.

Pengarah Urusan BSP, Dr. Ceri M. Powell dalam ucapannya, berharap usaha itu akan membantu memupuk minat dalam sains,

teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan pelajar muda untuk memudahkan matlamat negara memiliki ekonomi yang pelbagai,

yang digerakkan oleh pemimpin dan tenaga kerja masa depan yang berpengalaman dan berpengetahuan yang telah dibentuk bermula daripada kanak-kanak masa kini.

Majlis pelancaran tersebut dihadiri oleh pengetua-pengetua sekolah rendah swasta dan kerajaan yang menerima 30 keping buku berkenaan untuk sekolah masing-masing.

165 penuntut Maktab SOAS hadiri Taklimat Kenegaraan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

PEGAWAI Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menyampaikan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS).

Acara yang berlangsung di Auditorium maktab tersebut dihadiri oleh seramai 165 orang penuntut Tahun 7 dan tenaga pengajar maktab berkenaan.

Antara tujuan program Taklimat Kenegaraan tersebut adalah sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap Raja, agama, bangsa dan negara; mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, bendera Negara dan lagu kebangsaan.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah

Peliharaan Sultan' dengan terperinci.

Siaran Akbar : Jabatan Penerangan

Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman



PARA penuntut Tahun 7 Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Program tersebut juga memberi peluang para penuntut untuk menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh pengetua kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
serta HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN
KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 02/01/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 11 JANUARI 2020
TARIKH TUTUP: 25 JANUARI 2020

1. PENGAWAS TINGKAT II
D.3 EB.4
BAHAGIAN IV
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2019/0053/01

JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI



RUJUKAN TAWARAN :
17 / JPD / JKSH / 20192020

TAJUK SEBUT HARGA :
TAWARAN PERKHIDMATAN
KANTIN DI KOMPLEKS LITAR
UJIAN DAN LATIHAN MEMANDU,
JABATAN PENGANGKUTAN
DARAT SG. AKAR BAGI TEMPOH
DUA (2) TAHUN

TARIKH TUTUP :
Selasa, 14 Januari 2020,
jam 2.00 Petang



JABATAN RADIO DAN
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA
MENTERI

NOTIS SEBUT HARGA

TENDER NO. :
RTB / K / 186 / 19 - 20
PENGAMBARAN DAN
PENYUNTINGAN RANCANGAN
DRAMA PROGRAM TV,
BAHAGIAN RANCANGAN TV

Bayaran tawaran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Januari 2020
(jam 2.00 Petang)



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN



PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0001 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
TO SUPPLY, DELIVERY OF IQ

REAL PCR REAGENTS FOR THE
QUANTIFICATION OF SHRIMP
DISEASES

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0002 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
TO SUPPLY AND DELIVERY,
TESTING AND COMMISSIONING
OF HANDHELD MULTIPARAMETER
WATER QUALITY INSTRUMENT

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0003 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
TO SUPPLY AND DELIVERY,
INSTALL, TESTING AND
COMMISSIONING OF BIOMEDICAL
UPRIGHT FREEZER

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0004 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY AND DELIVER,
INSTALL AND TESTING AND

COMMISSIONING OF REPLACEMENT
PART FOR LAMINAR FLOW
CABINET AND BIOLOGICAL
SAFETY CABINET

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0005 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY AND DELIVER OF
CALIBRATED LABORATORY
EQUIPMENT IN COMPLIANCE
TO ISO/IEC STANDARD

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0006 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
REPLACE, INSTALL, TESTING AND
COMMISSIONING OF GEARBOX
WITH RELATED PARTS FOR
MITSUBISHI PAJERA BG 2878,
DEPARTMENT OF FISHERIES

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0007 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
SUPPLY AND DELIVER AND
INSTALLATION OF SL75 SOLAR
MARINE NAVIGATIONAL LANTERN

BILANGAN SEBUT HARGA :

IKAN / 78(Q) / 0008 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
REPAIR WORKS ON BLOCK B (LED)
BUILDING AT DEPARTMENT OF
FISHERIES HEADQUARTERS

TARIKH TUTUP :
ISNIN, 20 JANUARI 2020
JAM 2.00 PETANG


**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**


**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM KELAS II, III & IV
KATEGORI KP12**

Tarikh buka tawaran pada :
11 Januari 2020 (Sabtu)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :
21 Januari 2020 (Selasa)

Tarikh tutup pada :
28 Januari 2020 (Selasa)
sebelum jam 2.00 Petang

Ditutup di :
**Pejabat Lembaga Tawaran Kecil
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.**

**JASTRE / BTR / T008 / 2019
PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN
PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN
TAMAN REKREASI DAMUAN
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN**

**NO. PROJEK :
JASTRE / BTR / T008 / 2019**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)**


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran 1 :
PEGGANTIAN PAGAR BAHARU
DI KAWASAN PERIMETER ROAD 03
JABATAN PENERBANGAN AWAM
(Kelas I dan II)
AME / 2020-2021 / SH - 01**

**Tajuk Tawaran 2 :
PEGGANTIAN ROAD BARRIER
DI HADAPAN BALAI BOMBA,
JABATAN PENERBANGAN AWAM
(Kelas I dan II)
AME / 2020-2021 / SH - 02**

Tarikh iklan / mengambil dokumen tawaran :
**Bermula Rabu, 8 Januari 2020
selama dua minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen tawaran :
**Selasa, 21 Januari 2020
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup tawaran :
**Rabu, 22 Januari 2020
(hingga jam 2.00 Petang)**

Sesi Taklimat : **16 Januari 2020 (Khamis).**


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**TAWARAN LESEN-LESEN INDUSTRI
PENANGKAPAN IKAN
DI KAWASAN-KAWASAN LAUT
DALAM ZON EKONOMI EKSKLUSIF
(EEZ) 2 DAN 3 DI PERAIRAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

JABATAN Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memaklumkan bahawa masih terdapat beberapa kekosongan lesen-lesen perusahaan bagi sektor industri tangkapan ikan dengan menggunakan alat pukat Lingkong zon 2 dan 3, alat rawai, buba dan pancing zon 2.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk memohon lesen-lesen perusahaan pukat Lingkong, pukat Lingkong tuna, rawai, buba dan pancing dan rawai tuna adalah seperti berikut :

- Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

- Mempunyai sijil pembiagaan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

- Pemohon-pemohon yang menghadapkan cadangan aktiviti penangkapan dan

pemerosesan ikan adalah menjadikan keutamaan.

Untuk keterangan lanjut dan bagi mendapatkan barang-barang permohonan, pemohon-pemohon bolehlah menghubungi di alamat berikut :

Ibu Pejabat Jabatan Perikanan
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan
Kompleks Perikanan Muara
Simpang 287-53
Jalan Peranginan Pantai Serasa
Muara, BT1728
Negara Brunei Darussalam.
Telefon : +673 2770066 / +673 2770067 /
+673 2770068

Borang permohonan dan kertas cadangan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada Divisyen Perkembangan Industri Perikanan Tangkapan. Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada 31 Januari 2020, jam 4.30 Petang. Disamping itu, satu sesi taklimat mengenai perkara di atas akan diadakan pada 22 Januari 2020, jam 9.00 Pagi bertempat di Dewan Nur Huda, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Kompleks, Perikanan Muara, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Kampung Serasa, Muara.


**KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM
NEGERI**

**PEMBERITAHUAN Expression of
Interest untuk mengendalikan kerja
pembangunan, pembiayaan, operasi dan
penyelenggaraan Pasar Gadong di Brunei
Darussalam**

**BILANGAN RUJUKAN :
2019-001 / EOI / 001**

TIADA BAYARAN DIKENAKAN.

**TARIKH TUTUP :
30 JANUARI 2020 (jam 3.00 Petang)**

Pendaftaran haruslah dibuat melalui emel ke RFP Sekretariat di rfp@pcube.com.bn


**KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM
NEGERI**


**PEMBERITAHUAN Expression of Interest
untuk mengendalikan kerja pembangunan,
pembiayaan, operasi dan penyelenggaraan
Tamu Selera di tapak tanah kosong (bekas
Tapak Semaian) berhampiran Taman Jubli
Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Taman
Jubli Perak) dan untuk mengendalikan dan
menyelenggarakan Taman Jubli Perak di
Brunei Darussalam.**

**BILANGAN RUJUKAN :
2020-001 / EOI / 001**

TIADA BAYARAN DIKENAKAN.

**TARIKH TUTUP :
10 FEBRUARI 2020
(jam 3.00 Petang)**

Pendaftaran haruslah dibuat melalui e-mel ke RFP Sekretariat di rfp@pcube.com.bn


KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**ADALAH dengan ini dimaklumkan dan
diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi
harta benda kerajaan yang telah mendapat
kebenaran daripada Kementerian Kewangan
dibuka kepada syarikat-syarikat dan
orang-orang perseorangan yang berminat untuk
membeli barang-barang berikut iaitu 3 unit peti
keselamatan yang akan dijual secara tawaran
awam di Unit Penghapusan Dari Kira-Kira
Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sesiapa yang
berminat untuk menghantar sebut harga
bolehlah mendapatkan borang dan di hantar ke
Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal Ehwal
Ugama seperti :**

**PETI SEBUT HARGA LELONG
UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA
KEMENTERIAN HAL EHWAU UGAMA
JALAN MENTERI BESAR, BB3910.**

**TARIKH TUTUP :
Selasa, 14 Januari 2020**

**KETERANGAN PERALATAN /
PERKAKAS PEJABAT :**

- 3 unit peti keselamatan seperti berikut :**
- i. (1) unit Hase Safe
 - ii. (1) unit Delica Leo
 - iii. (1) unit Thomas Withers & Sons

JUMLAH : 3 unit

**TEMPAT UNTUK MELIHAT
PERALATAN / PERKAKAS PEJABAT :
Lantai Bawah
Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama
(Lama)**

**Syarat-syarat bagi jualan lelong secara sebut
harga ini adalah seperti berikut :**

1. Dibukakan kepada pemborong firma
swasta dan orang ramai.

2. Borang sebut harga, syarat-syarat dan
keterangan lanjut mengenainya bolehlah
diperoleh dengan menghubungi talian
+673 2382525 sambungan 723 semasa waktu
pejabat.

6. Bahagian depan sampul surat sebut harga
hendaklah menyatakan dan tertulis perkara
berikut :

a) Pengurus Jawatankuasa Sebut Harga
Lelong :
Unit Penghapusan Dari Kira-Kira
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam.

b) Tajuk Sebut Harga.

c) Tarikh Tutup Sebut Harga.

7. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai
yang berjaya hendaklah membuat pembayaran
secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk
hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima
surat makluman dan jika gagal berbuat demikian
adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan
lelong tersebut.

8. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang
berjaya hendaklah memindahkan barang-barang
tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah
menerima surat makluman. Kegagalan berbuat
demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan
dan wang yang telah dijelaskan tidak akan
dikembalikan dan barang-barang tersebut akan
dilelong semula atau dimusnahkan.


**JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

ADALAH dengan ini diberikan notis iaitu Jualan Lelong Secara Tertutup bagi kenderaan kepunyaan Jabatan Tanah iaitu 1 buah Mitsubishi Pajero GI High Roof Wagon.

TARIKH TUTUP :
21 Januari 2020 (Selasa), jam : 2.00 Petang

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, syarikat-syarikat firma dan orang ramai.
2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut boleh diperoleh di TINGKAT 4, UNIT KEWANGAN, BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, PEJABAT PESURUHJAYA TANAH, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS atau di PEJABAT TANAH DAERAH TEMBURONG semasa waktu bekerja dibuka.
3. Borang yang lengkap diisikan hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dan hendaklah ditulis di depan sampul surat 'TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN JABATAN TANAH' tanpa menunjukkan identiti pemborong dan

dimasukkan ke dalam :
**PETI TAWARAN
JABATAN TANAH
(TINGKAT 4)
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
5. Waktu dan tempat bagi melihat barang-barang lelong ialah seperti berikut :

**Tarikh : 7 Januari 2020
hingga 20 Januari 2020
Hari : Isnin hingga Khamis dan Sabtu
Jam : 9.00 Paggi hingga 11.00 Paggi
2.00 Petang hingga 3.30 Petang**

**Tempat : Kawasan Letak Kereta,
Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan,
Pejabat Tanah Daerah Temburong,
Daerah Temburong.**

6. Penerangan lanjut bolehlah menghubungi di talian +673 5221248.

**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
**NOTIS JUALAN BAGI BESI BURUK
DAN BARANG GUNA HABIS**

TARIKH MULA :
ISNIN, 6 JANUARI 2020

**TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL
DAN MENGHANTAR BORANG
TAWARAN (WAKTU BEKERJA) :**
**6 JANUARI 2020 HINGGA 11
JANUARI 2020**

**ISNIN HINGGA KHAMIS
8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI
1.30 PETANG HINGGA 3.00 PETANG**

SABTU
**8.30 PAGI HINGGA 10.30 PAGI
PETANG : TUTUP**

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR
BORANG TAWARAN
KE DALAM PETI TAWARAN :**
13 JANUARI 2020
**SEBELUM JAM 9.00 PAGI (ISNIN)
(MEMBUKA PETI TAWARAN)**

LOT DAN KETERANGAN :

- 1. 4 BUAH PETI SEJUK
- 834 UNIT PERABOT PEJABAT
- 720 UNIT PERABOT SEKOLAH
- 2 UNIT LABORATORY DC POWER
- 1 UNIT STOOL
- 1 UNIT TROLLY
- 2 UNIT RECLINING CHAIR
- 2 UNIT PERALATAN (TRAY DAN TROLLEY)
- 2 UNIT PERALATAN /PEKAKAS ELETRIK (WATER DISPENSER AND WARMER TROLLEY)
- 4 UNIT WHEELCHAIR
- 2 UNIT STAINLESS RACK
- 1 UNIT WATER URN
- 223 UNIT PERALATAN FISIOTERAPI
- 1 UNIT SOFA
- 3 UNIT MESIN (2 DRILL DAN 1 JIGSAW)

2. 33 UNIT ALAT PEMADAM API

- 17 UNIT PORTABLE PUMP
- 21 UNIT MESIN CHAINSAW
- 1 UNIT POWER UNIT

3. 8 LOT ALAT GANTI LIF

4. 78 LOT PENGHAWA DINGIN

BERTEMPAT :
KAWASAN TEMPAT PENYIMPANAN
BESI BURUK KERAJAAN
J.K.R SINARUBAI.

RUJUKAN KEBENARAN KEWANGAN :

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 2**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN BURUH
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 42**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT, KKBS
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 42**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
OUTWARD BOUND BRUNEI
DARUSSALAM, KKBS
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 12**

**BERTARIKH : 11 JUN 2019
BERSAMAAN 6 SYAWAL 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 54**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
IBTE KAMPUS JEFRI BOLKIAH,
JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 15**

**BERTARIKH : 27 OGOS 2019
BERSAMAAN 26 ZULHIJJAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 17**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS, KEMENTERIAN
KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PENGAJIAN ISLAM (SEK.
UGAMA BERIBI, SEK. UGAMA
LAMBAK KANAN DAN SEK. UGAMA
LAMUNIN)
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 11
BERTARIKH : 17 JULAI 2019
BERSAMAAN 14 ZULKAEDAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI
HOSPITAL RIPAS,**

IKLAN

**JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**
**JUALAN LELONG TERTUTUP
UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA
JABATAN PENTADBIRAN
DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN,
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dibukakan kepada Syarikat-Syarikat dan orang-orang perseorangan yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut :

**JENIS PERKAKAS / PERALATAN /
PERABOT :**

LOT A
33 Unit Meja Penuntut
TEMPAT / KEPUNYAAN :
Sekolah Rendah Puni Temburong

11 Unit Peralatan Elektrik
81 Perabot Pejabat
TEMPAT / KEPUNYAAN :
Sekolah Rendah Selapon
Temburong

LOT B
3,387 Buah buku-buku Perpustakaan
TEMPAT / KEPUNYAAN :
Sekolah Menengah Sayyidina Ali
Kuala Belait

6 Unit Alat Penghawa Dingin
TEMPAT / KEPUNYAAN :
Sekolah Menengah PAP Hajah Rashidah
Sa'adatul Bolkiah
Lumut

Borang sebut harga boleh didapati seperti di alamat-alamat berikut :

1. **Unit Penghapusan Dari Kira-kira**
Blok 2J6: 03-04, Tingkat 6
Kondominium Ong Sum Ping
Kementerian Pendidikan
Talian Telefon : +673 2230113
(Brunei / Muara)

2. **Unit Penghapusan Dari Kira-kira**
Bekas Barik Lama Sekolah Menengah
Sufri Bolkiah, Tutong, TA1341
Talian Telefon : +673 4260312

3. **Unit Penghapusan Dari Kira-kira**
Rumah Kediaman Brunei Shell
Simpang 24-29, Jalan Maulana
Kuala Belait, KD145
Talian Telefon : +673 3347423

KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT, KKBS
NO. RUJUKAN : KKW / AD / JBT / 58**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
SEKOLAH RENDAH KAPOK
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 5**

**BERTARIKH : 19 SEPTEMBER 2019
BERSAMAAN 19 MUHARRAM 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
(SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK
PUTERI NORAIN)
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17**

**BERTARIKH : 28 SEPTEMBER 2019
BERSAMAAN 28 MUHARRAM 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

SYARAT-SYARAT TAWARAN

4. **Unit Penghapusan Dari Kira-kira**
Bekas Asrama Jalan Masjid
Jabatan Sekolah-Sekolah, Temburong
Talian Telefon : +673 5222171 /
+673 5222172

1. Borang tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :
Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.15 Paggi hingga 11.30 Paggi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat dan ditulis dengan terang : **TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini :
UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA
BLOK 2J6 : 03-04, TINGKAT 6
KONDOMINIUM ONG SUM PING
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada Ketua-ketua Jabatan Pengetua-pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-kira, Kementerian Pendidikan, Talian Telefon : +673 2230113.

6. Yuran tawaran BND10.00 bagi setiap pembelian barang. (Tidak akan dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran pada :
18 Januari 2020 (Sabtu), jam 2.00 Petang.

**BERTARIKH : 19 JUN 2019
BERSAMAAN 14 SYAWAL 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
HOSPITAL RIPAS,
KEMENTERIAN KESIHATAN
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / KEM / 10**

**BERTARIKH : 20 MEI 2019
BERSAMAAN 14 RAMADAN 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 47**

**BERTARIKH : 26 OGOS 2019
BERSAMAAN 26 ZULHIJJAH 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT, KKBS
NO. RUJUKAN : KKW / AD / JBT / 58**

**BERTARIKH : 27 MEI 2019
BERSAMAAN 21 RAMADAN 1440**

**JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
(SEKOLAH UGAMA LUMAPAS)
NO. RUJUKAN : KKW / ADM / JBT / 17**

**BERTARIKH : 31 JANUARI 2018
BERSAMAAN 14 JAMADILAWAL 1439**

Pelanggan bertuah SFF terima hadiah



TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank Berhad, Pengiran Azaleen Pengiran Dato Haji Mustapha hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pada Majlis Penyampaian Hadiah Festival Makanan Singapura (Singapore Food Festival - SFF) (kiri dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Januari. - Festival Makanan Singapura (Singapore Food Festival - SFF) yang bermula pada 13 hingga 27 Disember 2019 lalu, anjuran Royal Brunei Catering (RBC) memperkenalkan

lebih 80 masakan yang lazat dari Singapura dengan kolaborasi Rumah Makan Minang.

Semasa penganjuran festival tersebut, para pelanggan diberikan harga tawaran promosi istimewa, selain turut berpeluang untuk

memenangi pelbagai hadiah menarik.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Hadiah kepada pelanggan bertuah yang menyertai festival tersebut, yang ditaja oleh Baiduri Bank Berhad, berlangsung di The Horizon Seafood Restaurant, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Timbalan Ketua Pegawai

Eksekutif Baiduri Bank Berhad, Pengiran Azaleen Pengiran Dato Haji Mustapha.

Juga hadir, Pengarah Urusan RBC, Awang Haji Jeff Hadiman Dato Paduka Haji Danial.

Pemenang hadiah utama dimiliki oleh Encik Jalal Jamil, memenangi Apple iPhone 11 Pro Max, sementara pemenang kedua, Dayang Maria Elyza binti Asran, berjaya mendapat sebuah telefon pintar Samsung Galaxy Note 10+.

Bagi pemenang ketiga pula berjaya membawa pulang tiket penerbangan ke Singapura pergi dan balik melalui Royal Brunei untuk dua orang berserta penginapan selama dua malam, dimiliki oleh Dayang Hajah Rozihaminah binti Haji Abdul Momin.

Sementara beberapa pemenang lain berjaya memenangi 18,000 Royal Skies Miles dan RBC Gift Card.



Filem ketiga pengarah tempatan mula ditayangkan, 16 Januari



BARISAN pelakon tempatan bergambar ramai bersama Pengarah Filem 'Akademi', Siti Kamaluddin (empat, kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Januari. - Filem ketiga Origin Artistic yang berjudul 'Akademi' akan mula ditayangkan

di seluruh pawagam di negara ini bermula pada Khamis depan, 16 Januari 2020.

Perkara tersebut dijelaskan oleh

pengarah tempatan yang juga selaku pengarah filem tersebut, Siti Kamaluddin ketika ditemui sejurus selesai Tayangan Perdana

Berita dan Foto : Aimi Sani

Akademi untuk para media tempatan bertempat di Pawagam The Empire Brunei, di sini.

Menurut beliau, filem tersebut adalah sebahagian daripada misi Origin Artistic untuk terus menyokong bakat tempatan dan menggalakkan kejayaan antarabangsa serta pelbagai inisiatif sejak penubuhannya pada tahun 2006.

Siti Kamaluddin seterusnya berharap para pembuat filem dan kru filem Brunei dapat memanfaatkan bimbingan yang diberikan dan seterusnya menghasilkan pembuatan filem Brunei ke arena global pada masa akan datang.

Beliau turut melahirkan harapan agar filem ini akan disambut baik oleh semua khususnya warga tempatan agar sama-sama menghargai dan menyokong bakat seni anak tempatan.

'Akademi' dibintangi oleh barisan pelakon tempatan berbakat iaitu Liyana Yus, Nadiah Wahid, Nasrul Nassar, Zainal Bostaman, Syafi Halim, Ian Zulkifli, Shafiee Mostar serta Pengiran Hajah Maskuin binti Pengiran Hajji Mohammad.

'Akademi' merupakan filem




PENGARAH tempatan yang juga selaku Pengarah Filem tersebut, Siti Kamaluddin semasa ditemu bual.

'aksi-komedi' yang mengisahkan mengenai persahabatan dan filem tersebut diinspirasikan daripada kerjaya dan kehidupan pengawal keselamatan.

Akademi memulakan penggambarannya bermula pada 28 Ogos 2019 yang mengambil masa kira-kira tempoh satu bulan. Filem yang berdurasi selama 100 minit itu menggunakan Bahasa Brunei dan penggambaran filem tersebut dijalankan di lokasi-lokasi yang terdapat di Negara Brunei Darussalam.

Buruknya cinta dan kasihkan dunia



BERTAQWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Dunia adalah tempat persinggahan yang penuh dengan cabaran dan tipu daya yang boleh melalaikan manusia daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya ramai di kalangan manusia pada hari ini menjadi lalai dan leka dengan keasyikan nikmat dan perhiasan dunia. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hadid, Ayat 20 yang tafsirannya :

"Ketahuilah sesungguhnya kehidupan di dunia hanyalah permainan dan senda gurau (semata-mata) dan perhiasan dan bermegah-megah antara kamu serta berlumba-lumba membanyakkan harta dan anak-pinak, samalah seperti air hujan yang mengagumkan para petani (kerana menjadikan) tanam-tanamannya subur kemudian menjadi kering maka engkau melihatnya menjadi kuning kemudian menjadi hancur berderai. Dan di akhirat kelak ada azab yang berat dan keamputan daripada Allah serta keredaan-Nya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan".

Agama Islam melarang umatnya cinta dan kasihkan dunia dengan kasih yang keterlaluan seperti mengejar kemewahan dan kesenangan dengan berlebihan, mengejar pangkat atau kedudukan dengan sanggup membelakangi ajaran agama Islam dan mengutamakan kehendak hawa nafsu yang dilarang oleh syarak sehingga melalaikan diri daripada menunaikan kewajiban terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya antara punca utama kebanyakkan manusia itu terlalu cinta dan kasihkan dunia ialah kerana lemahnya iman, mereka lupa dan tidak pernah memikirkan bahawa kehidupan hari akhirat itu adalah lebih baik dan kekal dari kehidupan di dunia yang hanya bersifat sementara ini. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ghafir, Ayat 39 yang tafsirannya :

"Wahai kaum-Ku! Sesungguhnya kehidupan di dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara sahaja), dan sesungguhnya (kehidupan) akhirat itulah sahaja negeri yang kekal".

Adapun antara keburukan mencintai dan mengasihi dunia dengan keterlaluan dan

berlebihan itu ialah :

Pertama : Hidup manusia penuh dengan kesesatan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, Ayat 3 yang tafsirannya :

"(Iaitu) mereka yang lebih menyukai kehidupan di dunia daripada kehidupan akhirat dan menghalangi (manusia) daripada jalan Allah serta mereka hendak memesongkannya, mereka itu dalam kesesatan yang jauh (daripada kebenaran)".

Kedua : Terhapus segala amal di dunia dan tergolong di kalangan orang yang rugi di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, Ayat 69 yang tafsirannya :

"Mereka yang demikian itu sia-sialah amalan mereka di dunia dan di akhirat dan mereka itulah orang yang rugi".

Ketiga : Mendorong manusia itu menjadi sombong dan berputus asa. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Isra', Ayat 83 yang tafsirannya:

"Dan, apabila Kami mengurniakan nikmat kepada manusia, dan berpaling (tidak bersyukur) serta menjauahkan diri dengan sombong dan apabila dia ditimpak sesuhanan dia berputus asa".

Keempat : Tidak mendapat kebahagiaan hidup di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, Ayat 15 - 16 yang tafsirannya :

"Sesiapa yang menghendaki kehidupan dunia dan perhiasannya nescaya Kami menyempurnakan kepada mereka (balasan) pekerjaan mereka di dunia dan mereka tidak dirugikan sedikit pun. Mereka itulah orang-orang yang tidak mendapat (sesuatu pun) di akhirat melainkan api neraka dan pada hari itu sia-sialah apa yang mereka telah perbuat dan terhapuslah apa yang mereka telah kerjakan".

Kelima : Mendapat balasan azab neraka di akhirat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, Ayat 48 yang tafsirannya :

"Dan (akan) ada umat-umat (daripada keturunan mereka) yang Kami kurniakan kesenangan pada mereka (dalam kehidupan di dunia) kemudian mereka (di akhirat) akan ditimpak azab yang pedih daripada Kami (disebabkan kekufturan) mereka".

Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya mencela sikap terlalu cinta dan kasih terhadap dunia. Daripada Zaid bin Tsabit Radiallahuanhu, ia mendengar

'AGAMA Islam milarang umatnya cinta dan kasihkan dunia dengan kasih yang keterlaluan seperti mengejar kemewahan dan kesenangan dengan berlebihan, mengejar pangkat atau kedudukan dengan sanggup membelakangi ajaran Islam dan mengutamakan kehendak hawa nafsu yang dilarang oleh syarak sehingga melalaikan diri daripada menunaikan kewajiban terhadap Allah Subhanahu Wata'ala'.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Barang siapa tujuan hidupnya adalah dunia, maka Allah akan mencera-i-beraikan urusannya, menjadikan kefakiran di kedua kelopak matanya, dan ia tidak mendapatkan dunia kecuali menurut ketentuan yang telah ditetapkan baginya. Barang siapa yang niat (tujuan) hidupnya adalah negeri akhirat, Allah akan mengumpulkan urusannya, menjadikan kekayaan di hatinya, dan dunia akan mendatanginya dalam keadaan hina". - (Riwayat Al-Imam Ibnu Majjah).

Perlu diketahui, apabila seseorang itu menjadikan dunia sebagai tujuan dan matlamat utama hidupnya berbanding kehidupan akhirat, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan membuat urusan dunianya menjadi sukar, menjadikan hidupnya sentiasa dipenuhi dengan rasa resah-gelisah, berasa takut akan kemiskinan kerana hatinya selalu berasa tidak cukup dengan apa yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya.

'JANGANLAH kita menjadi orang yang rugi dan menyesal di hari akhirat kelak kerana kita terlalu lalai dan leka dengan keindahan dan tipu daya kehidupan dunia. Akhirnya sama-sama kita berdoa semoga kita dan keluarga kita menjadi orang-orang yang beriman, bertaqwa, beramal soleh, tidak dilalaikan dengan urusan harta benda dunia dan golongan orang yang mendapat kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin'.

Percaya pada hari Kiamat adalah salah satu dari Rukun Iman yang enam dan wajib kita mempercayainya. Pada hari itu lah seluruh manusia akan dihimpunkan di Padang Mahsyar untuk dihisab dan akan menerima pembalasan yang setimpal berdasarkan amal perbuatan yang telah mereka lakukan ketika berada di dunia.

Masing-masing akan menerima hasil perbuatan mereka dalam bentuk buku catatan amalan. Jika diberi dan diterima dengan tangan kanan, maka berbahagialah si penerimanya kerana Syurga bakal menantinya. Akan tetapi bagi mereka yang menerima buku catatan amalan mereka dengan tangan kiri, maka Neraka bakal menantinya, Nauzubillahi Minzalik. Firman Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Insyiqaq, Ayat 7 - 9 yang tafsirannya :

"Adapun orang yang diberikan kitab amalannya di tangan kanannya. Maka dia akan dihisab dengan cara yang mudah. Dan dia akan kembali kepada keluarganya (yang sama-sama beriman) dengan gembira".

Ingtalah, hidup ini hanya sementara, manakala di akhirat pula adalah kehidupan yang kekal abadi. Oleh itu, sebelum tiba masanya untuk kita dipanggil bertemu dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Gunakanlah kesempatan dan peluang yang ada ini dengan sebaik-baiknya untuk mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, mentaati segala perintah-Nya, meninggalkan segala larangan-Nya, mempersiapkan diri dengan memperbanyak dan meningkatkan amal ibadat sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Janganlah kita menjadi orang yang rugi dan menyesal di hari akhirat kelak kerana kita terlalu lalai dan leka dengan keindahan dan tipu daya kehidupan dunia. Akhirnya sama-sama kita berdoa semoga kita dan keluarga kita menjadi orang-orang yang beriman, bertaqwa, beramal soleh, tidak dilalaikan dengan urusan harta benda dunia dan golongan orang yang mendapat kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Munafikun, Ayat 9 yang tafsirannya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah harta kamu dan anak-anak kamu melalaikan kamu daripada mengingati Allah. Dan sesiapa yang melakukan demikian maka mereka itulah orang yang rugi".

Filem Brunei memenangi Anugerah Juri Khas di Macau

Siaran Akbar dan Foto :
Origin Artistic

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Filem tempatan Hari Minggu Yang Ke-Empat berjaya memenangi Anugerah Juri Khas pada Festival Filem Asia-Pasifik Ke-59, berlangsung baru-baru ini di Macau, Republik Rakyat China.

Pengarah Filem, Siti Kamaluddin hadir menerima anugerah tersebut dan mewakili Negara Brunei Darussalam pada majlis tersebut.

Ini adalah anugerah juri yang kedua untuk Hari Minggu Yang Ke-Empat di mana anugerah yang pertama diraih pada April 2019 pada Festival Filem dan Anugerah Antarabangsa Asia, di Kuching, Malaysia.

Filem tersebut adalah filem kedua Siti Kamaluddin dan dihasilkan di Brunei dengan penglibatan 90 peratus pelakon dan krew anak tempatan. Filem tersebut dihasilkan pada 2018 dan dibintangi oleh Kai Anwar, Shafiee Mostar, Liyana Yus dan Ian Zulkifli.

Hari Minggu Yang Ke-Empat turut bersaing dengan filem-filem dari industri filem yang lebih besar dan mantap seperti Expiration Date (Laos), Woori (Korea



Selatan) and Dance with Me (Jepun).

Menurut Siti Kamaluddin, anugerah ini adalah satu penghormatan kepada pembuat filem di Negara Brunei Darussalam.

Penganugerahan tersebut juga tepat pada masanya kerana sebuah lagi filem arahan Siti Kamaluddin iaitu, Akademi akan dipertontonkan buat julung kalinya pada Jumaat ini, 10 Januari 2020, di Empire Times Cineplex.

Jelas Siti lagi, beliau berasa

bangga kerana dapat menghasilkan filem-filem di Negara ini dan sangat beruntung kerana dapat memperlihatkan kebudayaan kita melalui wayang.

"Saya telah menghabiskan masa selama 10 bulan untuk menghasilkan Akademi dan saya sedia untuk membawa para penonton bagi pengembalaan baharu yang mereka tidak akan dapat lupakan," ujarnya.

Akademi merupakan filem aksi / komedi dan akan ditayangkan di seluruh negara pada 16 Januari.

WeCare berlepas bagi misi kemanusiaan SWW 2.0, Turki



WeCare, Muhd. Akmal bin Haji Marsidi dan Nor Aliyah binti Haji Mail berlepas ke Turki bagi misi kemanusiaan, iaitu Projek Musim Sejuk Syria 2.0 (Syrian Warm Winter 2.0 - SWW 2.0).

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Persatuan KamiPrihatin atau lebih dikenali sebagai WeCare menghantar seramai dua orang ahli ke Turki pada bagi misi kemanusiaan, iaitu Projek Musim Sejuk Syria 2.0 (Syrian Warm Winter 2.0 - SWW 2.0).

Ini merupakan rombongan kedua untuk berlepas pada bulan Januari 2020 yang terdiri daripada Presiden WeCare, Muhd. Akmal bin Haji Marsidi dan Nor Aliyah binti Haji Mail.

Manakala, rombongan pertama diwakili oleh Muhammad Fuad bin

BND200,000 untuk diberikan kepada 40,000 pelarian Syria.

Dana yang disumbangkan daripada rakyat Brunei akan ditujukan untuk pembelian bahan bakar, jaket sejuk, tempat perlindungan dan makanan asasi bagi pelarian-pelarian Syria di kem pelarian, di Turki.

Persatuan WeCare membuka sumbangan daripada orang ramai sehingga 31 Januari tahun ini. Sumbangan bolehlah dibuat melalui aplikasi BIBD - Bill Payment atau melalui mesin simpanan wang tunai ke Cash Deposit Machine. Untuk keterangan lebih lanjut, layari media sosial @wecare.bn atau hubungi talian hotline +673 8328319.

PENGARAH Filem Hari Minggu Yang Ke-Empat, Siti Kamaluddin mewakili Negara Brunei Darussalam hadir menerima anugerah tersebut.

Patuhi piawaihan ditetapkan!



PERSAINGAN adalah baiknya secara sihat..., jelas Yang Di-Pertua Persatuan Pemandu-pemandu Teksi Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Bakar bin Haji Hamdan.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Januari. - Persaingan sihat dengan mengikuti piawaihan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa di antara pemandu teksi, Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS) termasuk perkhidmatan e-hailing, seperti Dart hendaklah diambil berat oleh semua individu.

Pemandu teksi tempatan, Awang Haji Bakar bin Haji Hamdan yang juga merupakan mantan Yang Di-Pertua Persatuan Pemandu-pemandu Teksi Negara Brunei Darussalam menegaskan perkara tersebut semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei mengenai Cabaran Seorang Pemandu Teksi.

Awang Haji Bakar yang telah pun bekerja sebagai pemandu teksi selama lebih 30 tahun menjelaskan, setiap saingen daripada pelbagai pihak sememangnya tidak menjadi masalah, namun hendaklah mengikuti dasar undang-undang tersendiri seperti KSPS, di mana jelas beliau hendaklah kereta sewa yang dipandu oleh pelanggan sendiri.

"Dasar undang-undang tersebut hendaklah dipatuhi oleh setiap syarikat yang menawarkan perkhidmatan KSPS, namun terdapat beberapa syarikat yang menawarkan kereta KSPS berserta dengan pemandu dari luar negara.

Persaingan sememangnya akan ada, namun adalah baiknya, sekiranya persaingan itu secara sihat," terangnya lagi.

Awang Haji Bakar seterusnya menjelaskan, semenjak tertubuhnya perkhidmatan e-hailing di Negara Brunei Darussalam, iaitu Dart, pendapat mereka sebagai pemandu teksi sememangnya berkurangan.

"Ditambah lagi dengan kewujudan teksi sapu, di mana permasalahan ini masih lagi berbangkit dan belum selesai, akan tetapi, alhamdulillah perkhidmatan kami sebagai pemandu teksi sehingga kini masih lagi diperlukan oleh warga asing," jelas beliau lagi.



Kejayaan IKS Menjana Ekonomi Negara

ARUS globalisasi yang menerjang dunia telah memberi impak dan perubahan yang besar kepada negara sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Produktiviti merupakan kunci dan rahsia kejayaan Industri, Kecil dan Sederhana (IKS) di kebanyakan negara. Kejayaan China, India dan Korea Selatan melonjakkan ekonomi melalui kecekapan pengeluaran produktiviti telah membuka banyak mata termasuklah negara maju. Begitu juga halnya di negara kita, penglibatan pada bumiputera di dalam menceburan bidang keusahawanan baik secara kecil-kecilan maupun besar-besaran kini bertambah bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Ini merupakan petanda baik bagi negara dan ekonomi kita walaupun ia hanya merupakan IKS namun sekurang-kurangnya ia penanda positif kepada kita. Dalam usaha mempelbagaikan keluaran industri negara, negara kita begitu prihatin untuk terus memperkembangkan IKS. Melalui IKS juga sekurang-kurangnya ia dapat membantu negara dalam pelbagai aspek, seperti menyokong konsep Satu Kampung Satu Produk (1KIP) di mata masyarakat bahkan pelancong luar, menyediakan peluang pekerjaan bahkan sekali gus sebagai pembekal warisan seni masyarakat. Apa Pendapat Biskita pada kali ini turut berkongsi beberapa pandangan dan pendapat orang ramai tentang IKS ini.

Pada pendapat saya, IKS juga dapat membuka dan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat terutamanya penduduk kampung. Kita sedia maklum bahawa untuk menjana dan meningkatkan hasil pengeluarannya pengusaha IKS ini memerlukan pekerja yang ramai. Dalam usaha untuk meminimumkan kos serta meningkatkan produktiviti, sudah tentu pengusaha IKS akan memilih para pekerja dalam kalangan masyarakat setempat. Hal ini telah akan membuka peluang kepada suri rumah, ibu tunggal atau orang kurang upaya (OKU) untuk bekerja di situ. Sikap pengusaha IKS yang prihatin serta mengutamakan khidmat sosial kepada masyarakat setempat, akan mewujudkan perasaan kekitaan terhadap IKS yang diwujudkan di sesuatu kawasan itu. Jelaslah bahawa IKS ini bukan sahaja dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk kampung malah dapat membantu negara mengurangkan masalah pengangguran. - **Dayang Hajah Masdinawati binti Haji Awang Karim, Bukit Beruang.**

Pada pandangan saya, perniagaan merupakan satu kegiatan yang sangat penting dalam sebuah masyarakat dan memberi kesan kepada kehidupan manusia. Kita sedia maklum bahawa para pelancong suka membeli kraf tangan untuk dibawa pulang. Sebenarnya di Negara Brunei Darussalam (NBD) terdapat banyak barang kraf tangan daripada pelbagai etnik dan kaum yang menjadi warganegara di negara ini. Sebagai contoh perusahaan membuat tembikar, pasu bunga, ukiran, labu sayong, songket, tikar, bakul barang hutan dan lain-lain lagi. Hasil kraf tangan melambangkan identiti serta jati diri negara. Para pelancong membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membeli kraf tangan ini sebagai cenderamata kenang-kenangan atau hadiah kepada rakan-rakan apabila pulang kelak. Kewujudan industri ini akan memberi faedah kepada masyarakat Melayu dan mendorong untuk menyumbang kepada negara. Peningkatan penyertaan bumiputera dalam ekonomi amat digalakkan. Kerajaan akan memperkuatkan keusahawanan bumiputera bagi mewujudkan perniagaan untuk menjadi peneraju industri yang lebih kukuh dan berdaya saing dalam sektor berimpak tinggi serta mengukuhkan kemampuan dan keupayaan usahawan dalam sektor nilai ditambah tinggi. Golongan Melayu kini perlu mengambil inisiatif untuk melakukan perubahan dan transformasi yang drastik dari semua aspek khususnya dari segi pemikiran dan mentaliti untuk menceburan bidang keusahawanan bagi meningkatkan kekuatan dan kemantapan ekonomi untuk bersaing secara sihat dengan bangsa lain dan tidak terus ketinggalan dalam perjalanan negara menuju negara berpendapatan tinggi. Selain dari itu, IKS yang sudah meluas akan memberi peluang pekerjaan yang banyak kepada masyarakat setempat terutama di kawasan perkampungan. Sebelum ini, melalui agensi-agensi yang berkaitan perlu diteruskan dan dibuat penambahbaikan selaras dengan matlamat kerajaan untuk membangunkan ekonomi bumiputera di negara ini. Di samping itu usahawan bumiputera perlu berusaha mencapai kejayaan ke menara gading dan terus meningkatkan sumbangan yang amat bermakna kepada negara dari semasa ke semasa tanpa mengira agama dan bangsa. - **Harif Mohd. Razif, BSB.**

Bagi pendapat saya mengenai dengan IKS ini, selaku penulis saya berpendapat pada era globalisasi ini telah meletakkan negara kita dengan pelbagai cabaran untuk menjadi sebuah negara maju dan jitu. NBD perlu meningkatkan IKS dalam memajukan ekonomi negara tidak kira sama ada sistematis mahupun intensif bagi menggalakkan penambahbaikan pertumbuhan dan pembangunan negara selaras dengan wawasan 2020. Melihat senario semasa, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara di NBD. Ia merupakan salah satu sektor perindustrian yang terdapat di negara kita dan kini dilihat sebagai antara industri yang memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan telah memberi tumpuan kepada penglibatan kaum bumiputera dalam bidang keusahawanan sebagai pemangkin kepada pembangunan PKS. Kerajaan juga akan memperkuatkan keusahawanan bumiputera bagi mewujudkan perniagaan untuk menjadi peneraju industri yang lebih kukuh dan berdaya saing. Secara amnya, usahawan bumiputera sangat memainkan peranan penting dalam melahirkan usahawan yang berkemampuan dan bertaraf antarabangsa serta pekerja mahir adalah tinggi. Dalam pembangunan pesat ekonomi sekarang, keperluan dalam meningkatkan penyertaan bumiputera dalam kegiatan perindustrian dan perdagangan di samping memenuhi hasrat dan objektif pembangunan negara serta merealisasikan wawasan 2020 juga telah menjadi satu kesedaran umum. Malahan sumbangan ini menjadi tonggak utama dalam mencapai wawasan 2020 dan menjadikan negara ini sebagai sebuah negara perindustrian. PKS boleh dijadikan sebagai asas, tulang belakang dan pendukung dalam memenuhi hasrat dan cita-cita wawasan pembangunan ekonomi negara selepas 2020. Terdapat banyak kemaslahatan IKS kepada masyarakat dan negara kita. Sebagai rakyat NBD kita tidak seharusnya membiarkan peluang ini berlalu begitu sahaja. Kita perluri gigih meningkatkan kualiti IKS kerana industri ini sebenarnya merupakan sebahagian daripada barangan keluaran tempatan yang berperanan meningkatkan imej negara di mata dunia. Oleh hal yang demikian, semua pihak iaitu pihak kerajaan, swasta, masyarakat serta individu perlulah bekerjasama untuk meningkatkan industri ini. Dana yang besar telah diperuntukkan oleh kerajaan perlu digunakan sebaik-baiknya bagi tujuan memajukan IKS. Diharapkan barang keluaran IKS mampu bersaing dalam pasaran di peringkat tempatan dan juga persada antarabangsa.

Biskita dial-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. **Peranan Ibu Bapa Membudayakan Amalan Menabung**
- ii. **Kepentingan Menyambut Hari Kemerdekaan**

Rondaan sukarela cegah jenayah



PENGAWASAN Kejiranan (PK) anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) merupakan program penuh yang melibatkan masyarakat dan pihak Polis.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Januari. - Pengawasan Kejiranan (PK) anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) merupakan program penuh yang melibatkan masyarakat dan pihak Polis.

Program PK berfungsi selaku penggerak dalam membangun masyarakat dengan melaksanakan aktiviti berbentuk kunjungan dan lawatan dengan agenda utama, iaitu

perkongsian maklumat terhadap jenayah, menjalankan rondaan bersama masyarakat kampung di kawasan-kawasan 'panas' (sering berlaku kejadian jenayah) juga mengeratkan hubungan silaturahim, dengan melakukan aktiviti kebajikan dan sosial bersama penduduk kampung.

PK menjadi medium bagi menyampaikan mesej positif dalam konsep pencegahan jenayah yang



ANTARA rondaan PPDB bersama masyarakat kampung di kawasan-kawasan 'panas' (sering berlaku kejadian jenayah) (kiri dan atas).

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Amalan Minum Air'. Tarikh Tutup : 15 Januari 2020
2. 'Bersama Memperkasa Belia Negara'. Tarikh Tutup : 22 Januari 2020
3. 'Manfaatkan Ledakan Revolusi Industri 4.0'. Tarikh Tutup : 29 Januari 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

sering diterapkan dewasa ini. Apa yang penting ialah pemupukan nilai dan sikap tanggungjawab diri perlu diambil perhatian agar matlamat dan objektif negara untuk mengekalkan keamanan juga keharmonian dapat dihayati bersama.

Lantaran menyahut matlamat tersebut, beberapa kampung di seluruh negara bergerak aktif secara sukarela menjalankan rondaan taktikal pencegahan jenayah, seperti Kampung Panchong Lamunin; Kampung Sibut, Temburong; Rancangan Perumahan Negara Kampung Panaga; Kampung Sungai Liang; Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Seria; Kampung Penanjong, Tutong; juga Kampung Puni dan Ujong Jalan, Temburong.

Penyertaan PK yang semakin meningkat turut melibatkan kalangan belia-belia yang merupakan bakal peneraju dan penerus kepimpinan pada masa akan datang.

Penerapan Program PK terhadap golongan belia akan mencetuskan lagi pengaruh positif bagi sasaran melahirkan pemimpin-pemimpin bertanggungjawab dalam perihal keselamatan dan keamanan di negara ini.

JBP sediakan aplikasi mudah alih Safety Guide

Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 10 Januari. - Negara Brunei Darussalam kini berada di separuh pertama Musim monsun timur Laut yang lazimnya akan menerima turunan hujan yang tinggi. Keadaan cuaca hujan dijangka akan berlaku di kebanyakan hari sehingga ke penghujung bulan Januari 2020. Secara amnya cuaca adalah tidak menentu dengan hujan atau hujan berpetir berlaku pada waktu malam dan awal pagi.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengingatkan kepada orang ramai semasa keadaan hujan berterusan dan lebat, adalah penting mengambil perhatian akan risiko banjir atau banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir. Risiko tanah susur juga akan meningkat, terutama berlakunya hujan lebat berpanjangan melebihi dua jam. Risiko kejadian banjir yang lebih teruk boleh berlaku apabila hujan berintensiti lebat bertembung dengan kejadian air pasang. Keadaan laut bergelora dan angin kencang adalah berbahaya terutamanya kepada bot-bot kecil dan semua aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Statistik JBP menerima 6,416 panggilan kecemasan bagi tahun 2018 dan 7,218 panggilan bagi 2019 dari balai-balai seluruh daerah di negara ini menunjukkan peningkatan. Di samping itu, JBP juga memberikan sebanyak 33 penerima Sijil Masyarakat Berjasa kepada individu bagi menghargai tindakan memadamkan kebakaran bagi 12 insiden yang melibatkan kebakaran serta mengurangkan kadar kerugian serta menyelamatkan nyawa.

Punca-punca kebakaran rumah dan bangunan dipercayai disebabkan oleh: Peralatan elektrik, masakan yang ditinggalkan, saluran hos gas bocor / Longgar, perunan / kebakaran rumput yang mlarat, puntung rokok dan kanak-kanak bermain api.



Oleh itu, JBP ingin menekankan kepada orang ramai untuk lebih peka dalam mengetahui aspek keselamatan kebakaran dan keselamatan lain secara umumnya agar : Jangan meninggalkan masakan, pastikan pemeticik api disimpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak, memastikan supaya tidak menggunakan terlalu banyak pemakaian elektrik (lebih beban), pastikan pendawaian dalam keadaan baik dan membuat pemeriksaan dengan syarikat yang bertauliah dan diiktiraf (DES), pastikan menutup suis (switch off)

mana-mana peralatan elektrik selepas menggunakan atau meninggalkannya dalam masa yang lama, pastikan rumah awda dilengkapi dengan peralatan keselamatan seperti alat pemadam api, selimut api (*fire blanket*) atau pun *smoke detectors* / alat pengesan asap.

Bagi pengguna jalan raya, punca utama bagi berlakunya insiden kebakaran kereta adalah disebabkan kesalahan dan kecuaian manusia (Human Error & Negligence); kurang pengetahuan dalam pemilihan alat ganti komponen kereta, meninggalkan sebarang benda di dalam kenderaan terutama yang boleh menyebabkan kepanasan yang berlebihan (*overheat*) seperti power bank. Kurang pemeliharaan kenderaan; ini boleh diatasi dengan membuat pemeliharaan berjadual (*preventive maintenance*) kenderaan. Masalah elektrik / elektronik dalam kenderaan; pendawaian yang longgar, penyambungan pendawaian yang tidak teratur, kerosakan di bahagian kotak fusi. Masalah mekanikal; pemasangan yang longgar.

Apa yang perlu diketahui mengenai keadaan cuaca ke semasa mengenai aspek-aspek keselamatan diri serta keluarga adalah semasa beriadah (*hiking*) mendaki bukit; jangan masuk atau meredah terlalu jauh dalam kawasan bukit di luar kemampuan awda dan jika tidak biasa dengan laluannya, jangan masuk ke dalam kawasan bukit jika keadaan sekeliling atau cuaca sudah mulai gelap atau dalam keadaan hujan, jangan berpergian secara berseorangan dan maklumkan kepada keluarga atau kawan-kawan di mana tempat awda akan beriadah dan untuk keselamatan adalah disarankan untuk membawa wisel, lampu, telefon bimbit dan air yang mungkin akan diperlukan jika berlaku kecemasan.

Semasa melakukan aktiviti di pantai atau di perairan adalah dinasihatkan; jangan berenang terlalu jauh dari pantai di luar kemampuan awda, awasi anak-anak awda jika mereka bermain atau berenang di pantai, pastikan awda memakai jaket keselamatan jika awda bermain jet ski atau papan lurur dan lainnya, jika mendapat ada orang lemas dan minta pertolongan, pastikan awda pandai berenang dan memakai jaket keselamatan sebelum menyelamatkannya, sentiasa mengetahui keadaan air dan RIP CURRENTS, jika awda masuk ke dalam arus deras / RIP



CURRENTS jangan panik apungkan badan awda keluar dari arus tersebut dan berenanglah ke sisi kiri atau kanan keluar dari lingkungan arus dan berenanglah ke daratan dan kepada pengusaha-pengusaha perahu tambang, nelayan dan sebagainya hendaklah memakai jaket keselamatan termasuk penumpang dan memasang lampu semasa waktu malam atau ketika keadaan cuaca gelap.

Tanah susur adalah berkaitan dengan keadaan cuaca turunan hujan yang berpanjangan. Untuk keselamatan, jika kedudukan rumah awda berada di atas atau di lereng atau bawah bukit adalah disarankan: pantau keadaan kawasan atau tanah sekeliling rumah awda dan tanah bukit yang berdekatan, sentiasa bersedia untuk sebarang tindakan jika mendapat terdapat hakisan tanah yang mula menampakkan keruntuhan dan untuk keselamatan tinggalkan / kosongkan rumah jika sudah ternyata membahayakan nyawa.

Jika berlaku angin kencang; tidak berhenti atau meletakkan kenderaan di kawasan berisiko, seperti pokok, tiang elektrik atau mana-mana objek tinggi.

Banjir sering kali terjadi di kawasan rendah dan mudah banjir dan kawasan yang berdekatan dengan sungai. Oleh itu, orang ramai adalah disarankan agar sentiasa memantau keadaan paras air di luar kawasan rumah, sentiasa bersedia menghadapi situasi banjir terutama sekali kawasan rendah dan mudah banjir, selamatkan harta benda ke tempat yang lebih tinggi termasuk nyawa dan dokumen-dokumen penting.


Semasa cuaca berpetir / kilat; jangan berada di kawasan terbuka, jangan berteduh atau berdiri di bawah pokok tinggi dan jauhkan dari struktur yang berlogam atau besi.

Kedai-kedai mesin pencuci pakaian layan sendiri berkembang dan mendapat sambutan yang baik di Negara ini, kerana ianya sangat mudah digunakan dan mempunyai mesin untuk mencuci dan mengeringkan apa lagi ketika musim hujan. Walau bagaimanapun beberapa aspek keselamatan perlu diketahui, iaitu elakkan berada di dalam kawasan kedai mesin pencuci semasa membuat pengeringan pakaian awda, jika boleh letak kereta awda jauh daripada kedai mesin pencuci

layan sendiri dan pemaju kedai mesin pencuci mestilah memaparkan papan tanda TUTUP semasa membuat penyelenggaraan dan tidak boleh digunakan oleh pengguna.

JBP bersiap siaga 24 jam dan sentiasa membuat rondaan dan pemantauan di darat mahupun di perairan bagi mengambil langkah-langkah yang berpatutan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku terutama sekali di kawasan-kawasan rendah serta kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi. Walau bagaimanapun kefahaman juga bantuan orang ramai dalam sama-sama bertindak meningkatkan keselamatan peringkat awal merupakan tindakan yang terbaik sebelum bantuan tiba.

Orang ramai juga digalakkan untuk memuat turun aplikasi mudah alih bertajuk 'Safety Guide' atau 'Google Play Store' sebagai panduan asas kecemasan dan keselamatan awam yang disediakan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. Jika berlakunya sebarang kecemasan orang ramai dikehendaki untuk menghubungi terus Talian Kecemasan JBP 995.



**Kenali
Negara
Kitani**

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Pengurus Muslimah Masjid Kampung Sinaut



Muslimah Masjid Sinaut giat laksanakan aktiviti keagamaan

DENGAN keluasan kampung 3.5 km persegi, Kampung Sinaut terletak dalam Mukim Keriam yang di bawah pentadbiran Daerah Tutong. Keramaian jumlah penduduk di kampung ini ialah seramai 1,060 orang dan 201 buah rumah kediaman, rumah persendirian sebanyak 113 buah, rumah kedua dua buah, rumah kerajaan 17 buah, flat/berek sebuah, rumah pekerja dua buah dan kedai runcit / koperasi sebuah.

Pemangku Ketua Kampung pada masa ini ialah Awang Haji Johor bin Haji Kamis di mana beliau mula dilantik pada 7 Mac 2019. Kawasan yang di bawah jagaan beliau ialah Kampung Sinaut, Kampung Meragang, kawasan Pusat Piaawai Sinaut dan Ladang Koperasi Mufakat.

Mengikut sejarahnya, Ketua Kampung Sinaut yang pertama ialah Awang Haji Jais bin Amba dari tahun 1940 hingga 1950. Kemudian beliau diganti oleh Awang Tuah bin Bujor dari tahun 1950-an hingga 1960-an. Selepas itu, dari tahun 1960 hingga 1992, Ketua Kampung Sinaut ialah Awang Haji Jamudin bin Isa. Beliau kemudian diganti oleh Awang Haji Sulaiman bin Tahiruddin yang mentadbir dari 10 Oktober 1993 hingga 2 April 2005. Ini diikuti kemudian oleh pengganti beliau, iaitu Awang Haji Sidek bin Haji Mesir dari

2 April 2005 dan sekarang Kampung Sinaut ditadbir oleh Pemangku Ketua Kampung, Awang Haji Johor bin Haji Kamis.

Sementara itu, seperti kampung-kampung lain, kesejahteraan dan kemaslahatan anak-anak kampung tetap dijaga. Ini boleh dilihat melalui bantuan dan yang diterima di mana jumlah penerima pencen tua bagi kampung ini ialah seramai 102 orang, bantuan kebajikan 17 orang, anak-anak yatim seramai 14 orang, penerima bantuan fakir miskin 53, orang kurang tidak berupaya anggota (TBA) seramai empat orang, penerima elaun buta seorang dan elaun bercelaru seramai tiga orang.

Kemudahan infrastruktur

Seperti juga kampung-kampung lain, Kampung Sinaut tidak ketinggalan mendapat beberapa kemudahan asas daripada pihak kerajaan seperti bekalan elektrik, air, telefon, jalan raya, masjid, balai raya, sekolah rendah dan menengah dan dua buah pejabat kerajaan.

Pekerjaan

Kebanyakan penduduk di kampung ini bekerja dengan kerajaan, iaitu sebanyak 70 peratus, kakitangan swasta 30 peratus, peniagaan persendirian sebanyak 10 peratus dan lain-lain 20 peratus.

Kegiatan ekonomi

Kegiatan ekonomi di kampung ini termasuk Koperasi Ladang Berkelompok, Penangkap Ikan, Ladang Koperasi Muafakat, penyewaan kem, berkebun secara persendirian dan menangkap ikan serta memelihara kerbau dan menternak ayam.

Persatuan

Kampung Sinaut juga tidak ketinggalan dalam menubuhkan beberapa persatuan yang diungkayahkan oleh anak-anak buah kampung sendiri seperti Persatuan Tunas Harapan, Muslimah Masjid Kampung Sinaut, Ahli-ahli Takmir Masjid dan Majlis Perundingan Kampung Sinaut.

Aktiviti Kampung

Kampung Sinaut juga aktif dalam pelbagai aktiviti bagi semua peringkat sama ada golongan belia, orang dewasa malahan juga bagi warga emas. Aktiviti-aktiviti yang dibuat ialah seperti Kelas Dewasa Ugama, Ceramah / Syarahan (Masjid), Majlis Berdikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Bertahlil dan Makan Doa Arwah Sekampung, Penyembelihan Korban (kampung / Masjid), Majlis Doa Selamat bakal-bakal haji / Kepulangan Jemaah Haji, Kelas Muslimah dan mengikuti aktiviti-aktiviti Muslimah.

Setiap tahun penduduk-penduduk

kampung juga bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan dan juga mengadakan Sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Mereka juga aktif menyertai dalam acara-acara kenegaraan seperti Sambutan Hari Kebangsaan dan juga Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Bagi belia-belia kampung, aktiviti-aktiviti seperti menganjurkan perlumbaan basikal *mountain bike*, senamrobiik dan larian amal untuk derma anak yatim kampung dan juga Sukan Ria penduduk Kampung Sinaut menarik penduduk kampung di sekitarnya.

Muslimah Masjid Kampung Sinaut

Dengan keramaian ahli lebih kurang 80 orang, Muslimah Masjid Kampung Sinaut begitu aktif mengadakan pelbagai aktiviti. Antaranya ialah mengadakan kelas bimbingan Al-Quran yang dibahagikan kepada dua kelas, iaitu pada Jumaat yang mana sebahagian besar pelajar-pelajarnya terdiri daripada wanita yang bekerja dan pada Isnin bagi pelajar-pelajar wanita yang tidak bekerja yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Keramaian semua pelajar ini lebih kurang 50 orang.

Muslimah Masjid Kampung Sinaut juga beberapa kali mengadakan kerjasama dengan Unit Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid mengendalikan acara-acara berbentuk keagamaan seperti Peraduan Membaca Al-Quran secara murratul Bahagian Muslimah Masjid-Masjid Daerah Tutong pada tahun 2008, Program mengendalikan Al-Quran Mushaf Usmani dan kelebihan-kelebihan Al-Quran, Kursus Pengurusan Jenazah bagi Muslimah Masjid Sinaut tahun 2010, Bengkel dan Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi Muslimah Masjid-Masjid Daerah Tutong tahun 2010 sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Sinaut juga telah beberapa kali mengadakan lawatan ke agensi-agensi kerajaan seperti lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Da'wah Islamiah dan Pusat Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.



FOKUS UKAN

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Ihsan Pusat Akademi Sukan
Memanah Ar-Rafi

MEMANAH adalah seni, amalan, atau kemahiran melepaskan anak panah dengan menggunakan sebuah busur. Aktiviti memanah merupakan antara sunnah yang disarankan dalam agama Islam, telah digunakan untuk memburu dan berperang, namun pada masa kini adalah untuk tujuan bersukan dan rekreasi.

Saingan memanah melibatkan menembak anak panah pada sasaran untuk ketepatan daripada jarak yang ditetapkan atau jarak. Ini adalah bentuk paling popular bersaing memanah di seluruh dunia dan dipanggil sasaran memanah.

Satu bentuk yang sangat popular di Eropah dan Amerika ialah bidang memanah, ditembak pada sasaran yang biasanya ditetapkan pada jarak yang pelbagai dalam suasana yang berhutan.

Salah sebuah kelab memanah tradisional pertama yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam pada 8 September 2017 dengan kerjasama pemanah

Memanah sukan sunnah semakin popular

dari Malaysia Al Badar, iaitu Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (PASMA).

Menurut Pengurus PASMA, Pengiran Haji Radno bin Pengiran Haji Mohd. Tahir, PASMA telah menyertai beberapa pertandingan peringkat luar negara termasuk

peringkat Borneo, ASEAN dan antarabangsa, di mana pada Ogos 2017 buat kali pertama telah dijemput mengikuti pertandingan World Of Traditional Archery di Negeri Sembilan, Malaysia.

Selain itu, PASMA juga telah menghadiri beberapa jemputan

luar negara serta menyertai pertandingan memanah di peringkat antarabangsa termasuk Amerika Syarikat, Australia, Turki, China, Hungary, Korea, Turkey Slovakia,

Romania, Hungary, Mongolia, Taiwan, Malaysia, Indonesia, Singapura dengan menghantar seramai 10 peserta bagi mewakili negara.



Sukan

INFO SUKAN

NEGERI Sarawak menjuarai kedua-dua Kejohanan Petanque Piala Borneo Ke-9 dan Kejohanan Petanque Inter-Club Borneo Ke-10, 2019, sekali gus merampas kembali kejuaraan Piala Borneo daripada juara bertahan dan pesaing sengit, Negeri Sabah. Manakala Pasukan Negara Brunei Darussalam muncul naib juara dalam kejohanan yang berlangsung pada 5 Januari 2020 di Gelanggang Petanque, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.



ePaper Pelita Brunei

DPMFC tumpaskan PIP



AKSI perlawanan Bola Sepak Belia Bawah 16 Tahun, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) di antara Pasukan DPMM FC dan Projek Ikan Pusu (PIP) yang berlangsung di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Jumaat, 10 Januari.- Pasukan DPMM FC menumpaskan Projek Ikan Pusu (PIP) 2-1 dalam perlawanan Bola Sepak Belia Bawah 16 Tahun, Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) yang diadakan di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Mohd. Aqram Waqeel bin Bakri menjaringkan gol Pasukan DPMM FC dalam minit 36 dan Mohd. Haziq Naqiuddin bin Syamra dalam minit 56.

Gol tunggal PIP pula dijaringkan oleh Mohd. Danish Bazli bin Mohd. Suwandy di minit ke 7 perlawanan.

Dalam perlawanan tersebut kad kuning diberikan kepada PIP, iaitu Mohd. Syafiq bin Shahri dalam minit 33.

Perlawanan antara lain adalah bagi meningkatkan mutu permainan sukan bola sepak tanah air dan mencungkil bakat-bakat muda bakal pelapis pada masa akan datang.

Kejohanan itu merupakan acara yang disokong oleh NFABD, yang turut menyediakan sumber bagi menjayakan kejohanan tersebut.

MEMANAH sukan sunnah semakin popular

MUKA 23

Tahukah Awda

PUSAT Penyelidikan Lanjutan (CARe), Universiti Brunei Darussalam akan menjalankan Kajian Demografi dan Sosioekonomi Daerah Belait bermula pada Oktober 2019 sehingga Februari 2020. Ia dijalankan di Mukim Kuala Belait, Mukim Seria dan Mukim Liang menyasarkan mereka yang berumur 18 tahun hingga 65 tahun terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap di negara ini.

Tujuan kaji selidik ini adalah untuk mengenal pasti dan memerhatikan dimensi-dimensi ciri-ciri demografi dan sosioekonomi serta isu-isu alam sekitar di Daerah Belait. Ini termasuk, ciri dan corak penduduk, isu dan masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Daerah Belait, ciri pendidikan, tahap kemahiran belia tempatan, dan dimensi sosioekonomi yang lain.

Sumber : Siaran Akbar Universiti Brunei Darussalam, 14 Oktober 2019.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'TINGKATKAN ASPEK KESELAMATAN DI MANA PUN AWDA BERADA'

دتربيتكن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان دچيتق اوله جباتن فرچيتقن كراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam